



APPGM-SDG
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025

Zon Utara

P.056 Larut

Laporan Disediakan Oleh: Dr. Thanaraj Murudi



Laporan Pemetaan Isu Parlimen

P.056 Larut

Disediakan oleh:
Dr. Teo Lee Ken


KATA ALUAN	II
KATA PENGANTAR	IV
PENGENALAN	VI

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU	2 – 16
-------------------------------------	---------------

BAHAGIAN B

1.0	PENGENALAN	17 – 19
	1.1 Geografi/Topografi	17
	1.2 Komposisi Penduduk	18
	1.3 Kegiatan Ekonomi Utama	18
	1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan	18
2.0	METODOLOGI PENYELIDIKAN	20 – 24
	2.1 Pendekatan Kajian	20
	2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan	23
	2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan	23
	2.4 Keterbatasan Kajian	23
3.0	RANGKUMAN ISU RENTAS SDG	25 –30
4.0	GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU	31 – 73
	4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu	31
	4.2 Pengutamaan Isu	69
5.0	PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK	74 – 83
	PENYELESAIAN	
6.0	RUJUKAN	84



P.056 LARUT

KATA ALUAN

YBHG. TUAN RUSHDAN RUSMI

Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;

Ahli Parlimen Padang Besar (P.001)



Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, 'Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen' bagi jilid Zon Utara tahun 2025 dapat diterbitkan dengan jayanya. Bagi pihak Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, saya ingin menyampaikan kata aluan ini sebagai tanda komitmen bersama dalam memperkukuh agenda pembangunan mampan di Malaysia. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) adalah kerangka penting yang menjadi panduan kepada pembangunan yang seimbang merangkumi dimensi ekonomi, sosial, alam sekitar dan tadbir urus dilaksanakan di negara ini. Pelaksanaan APPGM-SDG telah membentuk pentas bagi komuniti akar umbi untuk menyuarakan cabaran, keperluan, serta aspirasi mereka agar ia dapat dijadikan asas dalam merangka dasar dan inisiatif pembangunan yang lebih berkesan. Zon Utara, kawasan Padang Besar sebagai contohnya, bukan sekadar titik geografi di pinggir sempadan tetapi mencerminkan realiti kompleks sempadan moden di mana cabaran keselamatan, ekonomi dan sosial terjalin rapat. Pendekatan holistik dan jangka panjang yang merangkumi aspek pembangunan, integrasi agensi dan pengurusan risiko merentas sempadan diperlukan bagi menjamin kesejahteraan masyarakat setempat.

Isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat di kawasan Zon Utara menuntut perhatian segera dan penyelesaian yang menyeluruh. Justeru, laporan pemetaan isu yang diterbitkan pada tahun ini hadir sebagai satu dokumen penting yang menggabungkan suara rakyat dengan analisis data. Sebagai hasil kerjasama erat antara Ahli-ahli Parlimen, komuniti, pemimpin tempatan, agensi kerajaan dan pihak swasta, laporan ini tidak hanya

mengenal pasti cabaran tetapi juga menawarkan cadangan tindakan yang berdaya tahan. Saya percaya ia akan menjadi rujukan utama dalam membina pembangunan yang lebih adil dan saksama.

Setulus penghargaan saya tujukan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dalam penyediaan laporan ini, termasuk Sekretariat APPGM-SDG, Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat akar umbi. Laporan ini bukan sahaja mencatatkan cabaran yang dihadapi, tetapi turut menampilkan cadangan penyelesaian yang praktikal untuk dilaksanakan. Semoga penerbitan ini menjadi titik tolak kepada usaha berterusan dalam membina kerjasama strategik antara pelbagai pihak, sekali gus memperkukuh asas pembangunan negara yang inklusif, seimbang dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.

YB Rushdan Rusmi

Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG

Ahli Parlimen Padang Besar

KATA PENGANTAR

JAMES RYAN RAJ

*Pemangku Timbalan Pengarah Eksekutif,
APPGM SDG*



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) aktif sejak 2020 menggerakkan penyetempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara. Berteraskan pemetaan isu, APPGM-SDG melaksanakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran setempat dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang bersesuaian. Dari 2020 hingga 2024, APPGM-SDG telah melaksanakan kerja lapangan di 115 kawasan Parlimen. Pada 2025, inisiatif ini diperluas ke 28 kawasan Parlimen baharu, membolehkan pasukan mendalami isu akar umbi dan menetapkan keutamaan tempatan. Lawatan tapak menyediakan gambaran menyeluruh mengenai realiti lapangan dan membantu mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil gerak kerja tersebut, sebanyak 28 laporan pemetaan isu disediakan pada tahun 2025 dan dihipunkan dalam jilid "Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen". Kompilasi ini disusun mengikut zon/wilayah - Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Turut disertakan laporan bergambar yang merekodkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Di samping itu, laporan individu bagi setiap kawasan Parlimen turut disediakan untuk memudahkan rujukan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan.

Jadual 1. Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	5
Jilid 2	Zon Pantai Timur	4	2
Jilid 3	Zon Tengah	3	3
Jilid 4	Zon Selatan	6	4
Jilid 5	Wilayah Sabah	4	2
Jilid 6	Wilayah Sarawak	2	2
JUMLAH KESELURUHAN		28	

Laporan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara akar umbi termasuk lah emosi, keperluan dan keutamaan komuniti setempat. Walaupun transkrip penuh FGD belum disertakan, analisis situasi yang dibentangkan sudah memadai untuk menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen terlibat dan boleh diakses oleh orang awam atas permintaan bagi tujuan kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan menjadi asas perbincangan seterusnya di peringkat Parlimen serta bersama agensi dan kementerian berkaitan. Matlamat utama ialah merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong penambahbaikan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2025. Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan dan Hirzawati Atikah Mohd Tahir selaku penyunting utama siri enam jilid ini atas dedikasi menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr. Teo Lee Ken, Nurul Syaza Mazelan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr. Thanaraj Murudi, Dr. Eva Kristin Larry Sait, Siti Noraiysah Rohim, Raine Melissa Riman, Nur Syadhira Mohd Razali, Nuha Mysara Mohd Hisam, Lydia Ann Anak Bill, Fatimah Binti Mohd Yasin, Tariq Ziad bin Abdul Razak dan Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Zoel Ng, dan khususnya Hirzawati Atikah Mohd Tahir, Kezia Sim Kui Ting dan Arif Azhad Abdul Ghaffar serta Afiqah Abdul Malik dari Pejabat Ketua Sekretariat atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya. Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENGENALAN

DR. THANARAJ MURUDI

Ketua Zon Utara, APPGM-SDG



Pada tahun 2025, APPGM-SDG memperkuat gerak kerja pemetaan SDG dengan pendekatan yang berkesan, inklusif dan seragam merentas lokasi. Penegasan inti pada tahun ini adalah penambahbaikan proses pemetaan isu sebagai asas penyetempatan SDG, di samping penyeragaman kaedah catatan kajian dan pelaporan. Proses pemetaan isu kekal sebagai fasa awal yang kritikal dalam penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG. Sebagai permulaan kepada kitaran intervensi, pemetaan perlu berfungsi sebagai penanda aras yang kukuh dengan proses libat urus yang cekap, telus dan inklusif bersama pihak berkepentingan. Justeru, APPGM-SDG memberi tumpuan kepada penglibatan menyeluruh dan mengarusperdanakan pandangan komuniti, agensi dan pemimpin tempatan agar perspektif yang pelbagai diambil kira secara serius. Kajian lapangan laporan pemetaan isu berperanan sebagai wahana utama untuk memaparkan analisis dapatan, keutamaan tindakan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan di setiap kawasan dan tahap.

Bagi tahun 2025, APPGM-SDG telah melaksanakan gerak kerja pemetaan isu yang melibatkan 28 kawasan parlimen (Rajah 1) yang merangkumi beberapa kawasan di setiap zon dan wilayah, menjangkau Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di setiap kawasan, kerjasama turut diperkukuh dengan agensi peringkat kerajaan tempatan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan atau entiti setara yang berperanan sebagai penyelaras lapangan, pemudah cara mobilisasi komuniti dan rujukan data setempat (Jadual 1).



Rajah 1. 28 Kawasan Parlimen bagi Tahun 2025

Semasa di lapangan, pasukan penyelidik mengamalkan langkah etika yang ketat seperti persetujuan rakaman/visual, kerahsiaan. Namun beberapa cabaran mengiringi gerak kerja 2025. Antaranya adalah seperti kesukaran mendapatkan penyertaan seimbang merentas kelompok sasaran; kualiti audio tidak konsisten yang menuntut integrasi analitikal dengan nota lapangan; pertindihan perbualan semasa FGD yang memerlukan penyaringan teliti; serta kekangan logistik seperti jadual, tempat, fasiliti yang mempengaruhi jumlah sesi dan kejutuan bukti. Walaubagaimanapun, cabaran-cabaran ini diimbangi dengan penetapan jadual semula, bantuan penghulu dan pihak pejabat daerah dan tanah untuk mobilisasi, pemetaan pihak berkepentingan yang lebih awal, serta kaedah catatan kajian berganda untuk mengekalkan integriti data.

Daripada segi kandungan, laporan ini dibentuk untuk memudahkan pembaca memahami setiap zon dan wilayah secara bertahap dan semakin mendalam. Bahagian 1 menghuraikan latar kawasan meliputi geografi, topografi, komposisi penduduk, aktiviti ekonomi, dan kaitannya dengan sasaran SDG relevan. Bahagian 2 menerangkan metodologi, langkah etika, kekangan lawatan dan keterbatasan kajian. Bahagian 3 merumuskan isu-isu rentas SDG, berpandukan tema-tema seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, budaya/warisan, keselamatan jalan, pertanian, pengairan, konflik manusia-haiwan, akses bantuan kebajikan, dan infrastruktur asas. Bahagian 4 pula menghimpunkan gambaran keseluruhan pemetaan mengikut isu utama, penerangan isu, tindakan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkaitan. Bahagian 5 menyenaraikan pengenalan awal projek penyelesaian jangka masa pendek sebagai langkah intervensi komuniti yang memberi impak tinggi, segera dan langsung, beserta

cadangan rakan pelaksana dan penjajaran SDG. Dengan susun atur sebegini, laporan pemetaan isu kawasan parlimen 2025 ini berfungsi sebagai dokumen rujukan tindakan bagi peralihan daripada pembawaan suara komuniti akar umbi kepada perancangan pelan tindakan dan seterusnya kepada program pelaksanaan yang realistik dan terukur.

Pemetaan Isu di Zon Utara

Zon Utara yang meliputi Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak mempunyai kekuatan geografi dan ekonomi yang pelbagai, termasuk sawah padi di Kedah dan Perlis, sektor perikanan di Kuala Kedah dan Lumut, pelancongan di Pulau Pinang serta pertanian dan kuari di Perak. Untuk tahun 2025, sebanyak sembilan (9) parlimen telah terpilih bagi pemetaan isu di zon utara, iaitu di Perak: Gopeng, Teluk Intan, Lumut, Larut, dan Padang Rengas; di Kedah: Padang Terap, Kuala Kedah, dan Kulim Bandar Baharu; serta di Pulau Pinang: Balik Pulau. Parlimen-parlimen ini memperlihatkan corak isu yang berulang, terutama dalam aspek sosial, ekonomi, infrastruktur asas, alam sekitar dan tadbir urus, yang perlu dianalisis secara kolektif untuk memahami pola pembangunan di zon ini.

Secara positif, zon utara mempunyai tenaga kerja belia yang besar, kepelbagaian sumber ekonomi, dan nilai komuniti yang masih kuat. Terdapat usaha aktif oleh komuniti setempat di Gopeng dan Balik Pulau untuk mengembangkan perusahaan kecil dan makanan tradisi, selain inisiatif pelancongan komuniti yang muncul di Larut dan Kuala Kedah. Potensi pengembangan sektor pelancongan juga tinggi, misalnya ekopelancongan di Lumut dan agro-pelancongan sawah padi di Kedah. Dari sudut tadbir urus, terdapat sokongan agensi di beberapa parlimen seperti Teluk Intan dan Kulim Bandar Baharu dalam memberi latihan dan bantuan asas kepada usahawan mikro.

Namun begitu, isu sosial seperti penagihan dadah yang ketara di Padang Terap, Lumut dan Larut mengancam masa depan belia, selain gejala judi dan lumba haram yang turut disebut di Kuala Kedah. Kos sara hidup tinggi dan peluang pekerjaan terhad menjadi aduan berulang di Teluk Intan, Gopeng, Balik Pulau dan Kulim Bandar Baharu, sehingga mendorong penghijrahan belia ke bandar besar. Infrastruktur asas yang lemah masalah bekalan air di Larut dan Kulim Bandar Baharu, ketiadaan lampu jalan di Kuala Kedah, jambatan rosak di Teluk Intan, serta kekurangan doktor pakar di Hospital Selama terus menjejaskan kesejahteraan masyarakat. Di samping itu, ancaman banjir berulang di Kuala Kedah dan Kulim Bandar Baharu, pencemaran sungai akibat kuari di Gopeng, serta hakisan tebing pesisir di Perak menimbulkan risiko jangka panjang kepada kelangsungan ekosistem dan ekonomi tempatan.

Keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan zon utara mempunyai potensi besar dari segi pertanian, pelancongan dan keusahawanan komuniti, tetapi masih berdepan cabaran

struktural yang perlu ditangani secara bersepadu. Intervensi yang menggabungkan pembangunan ekonomi mapan, penyelesaian isu sosial belia, peningkatan infrastruktur asas dan pengurusan alam sekitar yang lestari akan memperkukuh daya tahan komuniti, mengurangkan jurang bandar-luar bandar, serta menjadikan zon utara lebih inklusif dan seimbang dalam pembangunan.

Jadual 1. Senarai 28 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2025

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1	Tengah	Sabak Bernam	P092	YB Tuan Kalam bin Salan	PN-BERSATU	Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Sabak Bernam	Nur Syadhira Mohd Razali
2	Tengah	Hulu Selangor	P094	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun	PN-PAS	PDT Hulu Selangor	Nuha Mysara Mohd Hisam
3	Tengah	Seputeh	P121	YB Puan Teresa Kok Suh Sim	PH-DAP	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Nurul Syaza Mazelan
4	Utara	Padang Terap	P007	YB Tuan Nurul Amin bin Hamid	PN-PAS	PDT Padang Terap	Nurul Syaza Mazelan
5	Utara	Kuala Kedah	P010	YB Dr. Ahmad Fakhruddin	PN-PAS	PDT Kota Setar	Dr Thanaraj Murudi
6	Utara	Balik Pulau	P053	YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik	PH-PKR	PDT Barat Daya	Siti Noraiysah Rohim
7	Utara	Larut	P059	YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin	PN-BERSATU	PDT Selama	Dr Thanaraj Murudi
8	Utara	Kulim-Bandar Baharu	P018	YB Tuan Roslan bin Hashim	PN-BERSATU	PDT Kulim & PDT Bandar Baharu	Dr Thanaraj Murudi
9	Utara	Padang Rengas	P060	YB Kapten Azahari bin Hasan	PN-BERSATU	PDT Kuala Kangsar	Dr Teo Lee Ken

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENCI-AGENCI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
10	Utara	Gopeng	P064	YB Tuan Tan Kar Hing	PH-PKR	PDT Kampar	Lydia Ann Anak Bill
11	Utara	Lumut	P073	YB Komander (B) Nordin Bin Ahmad Ismail	PN-BERSATU	PDT Manjung	Dr Thanaraj Murudi
12	Utara	Teluk Intan	P076	YB Tuan Nga Kor Ming	PH-DAP	PDT Hilir Perak	Nurul Syaza Mazelan
13	Selatan	Jempol	P126	Dato' Haji Shamsulhakar Bin Haji Mohd Deli	BN-UMNO	PDT Jempol	Tariq Ziad bin Abdul Razak
14	Selatan	Jasin	P139	YB Tuan Zulkifli bin Ismail	PN-PAS	PDT Jasin	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
15	Selatan	Segamat	P140	YB Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj	PH-PKR	PDT Segamat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
16	Selatan	Sri Gading	P149	YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan	PH-AMANAHA	PDT Batu Pahat	Dr Teo Lee Ken
17	Selatan	Batu Pahat	P150	YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar	PH-PKR	PDT Batu Pahat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
18	Selatan	Pulai	P161	YB Tuan Suhaizan bin Kaiat	PH-AMANAHA	Pejabat Daerah Johor Bahru	Siti Noraiysah Rohim
19	Timur	Maran	P089	YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib	PN-PAS	PDT Maran	Siti Noraiysah Rohim

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
20	Timur	Kota Bharu	P020	YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan	PN-PAS	Pejabat Tanah & Jajahan (PTJ) Kota Bharu	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
21	Timur	Pasir Puteh	P023	YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh	PN-PAS	PTJ Pasir Puteh	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
22	Timur	Besut	P033	YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh	PN-PAS	PDT Besut	Siti Noraiysah Rohim
23	Sabah	Tuaran	P170	YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau	PH-UPKO	Pejabat Daerah Tuaran	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
24	Sabah	Putatan	P173	YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya	BN-UMNO	Pejabat Daerah Putatan	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
25	Sabah	Semporna	P189	YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal	WARISAN	Pejabat Daerah Semporna	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
26	Sabah	Labuan	P166	Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman	BEBAS	Perbadanan Labuan (Labuan Corporation)	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
27	Sarawak	Stampin	P196	YB Tuan Chong Chieng Jen	PH-DAP	Majlis Perbandaran Padawan (MPP) & Majlis Perbandaran	Raine Melissa Riman

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGensi-AGensi BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
						Kuching Selatan (MBKS)	
28	Sarawak	Lubok Antu	P203	YB Tuan Roy Angau anak Gingkoi	GPS-PRS	Pejabat Daerah Lubok Antu	Raine Melissa Riman

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.056 Larut

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN LARUT, YB DATO' SERI HAMZAH ZAINUDIN



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

04 OGOS – 06 OGOS 2025
(Isnin – Rabu)

HARI 1

1. FGD 1, 2, 3: Komuniti Peniaga, Petani, NGO dan Penduduk Selama
2. FGD 4: Komuniti Luar Bandar Parlimen Larut
3. Lawatan Tapak 1: Usahawan Tempatan Penternak Kambing di Kampung Rantau Panjang

HARI 3

12. FGD 9: Sesi Bersama Penduduk Kampung Mukim Hulu Ijok

HARI 2

4. FGD 5: JPKK & Penduduk Kampung Tengah, Bukit Bertam
5. Lawatan Tapak 2: Rancangan Petempatan Tersusun
6. Lawatan Tapak 3 : Lata yang Tidak Dipromosikan
7. Lawatan Tapak 4: Tebatan Banjir yang Dibina untuk Menghalang Banjir
8. FGD 6: Komuniti Ibu Tunggal dan Warga Emas di Kampung Tapah
9. Lawatan Tapak 5: Pengurusan Infrastruktur Parit Usang
10. FGD 7: Mak Lang Frozen
11. FGD 8: Cabaran Sosioekonomi Komuniti India di Mukim Selama

PASUKAN PENYELIDIK



DR. THANARAJ MURUDI

*Ketua Penyelidik &
Ketua Zon Utara*



**PROF. DATUK DR.
DENISON JAYASOORIA**



JAMES RYAN RAJ



DR. TEO LEE KEN



KARUPPIAH PALANIANDY



**MUHAMMAD NORAIMAN
HAKIM AHMAD ZAKI**



**FAIZZUL AMRI
SHAHABUDDIN**
(Penyelaras Tempatan)



**PATHMA DEVI
PAKRISAMY**
(Penyelaras Tempatan)

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 04-06 OGOS 2025 (ISNIN – RABU)





27 MEI 2025 - MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat Awalan bersama YB Dato' Seri Hamzah Zainudin telah diadakan di kediaman rasmi beliau untuk membincangkan gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG. YB Dato' Seri Hamzah Zainudin telah memberi persetujuan untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam melaksanakan kajian pemetaan isu di Parlimen Larut. Wakil APPGM-SDG telah dihadiri oleh Prof. Datuk. Dr. Denison Jayasooria, Rahmah, Dr. Teo Lee Ken, dan Dr. Khairil.

04 JULAI 2025 - MESYUARAT PERSEDIAAN

Kunjung Hormat bersama Pegawai Daerah dan Tanah untuk kawasan Larut, Matang dan Selama Tn. Mohd Nasrul Menhat dan bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah Selama En. Mustoffa Aliman. Tujuan perjumpaan ini adalah untuk kerjasama pemetaan SDG di Parlimen Larut. Tn. Mohd Nasrul Menhat telah bersetuju untuk mempermudah urusan APPGM-SDG.



16 JULAI 2025 - SESI PEMPROFILAN DAN PERBINCANGAN TENTATIF

Sesi Pemprofilan dan perbincangan tentatif Parlimen P056 Larut. Perbincangan bersama Penolong Pegawai Daerah, En. Mohd Rizwan Rozi di Pejabat Daerah dan Tanah Selama. Tarikh pemetaan isu SDG di Parlimen Larut ditetapkan 4-7 Ogos 2025. Manakala cadangan Dialog Antara Agensi (IAD) pada 14 Ogos 2025. Perbincangan meliputi mengenai Mukim dan kumpulan sasaran yang ingin ditemui. Pihak Penghulu Mukim Selama, Ulu Selama, dan Ijok akan mengetuai bersama pihak APPGM-SDG untuk urusan penyediaan tempat dan peserta. Turut hadir bersama Penghulu Mukim Selama, dan Hulu Selama.



FGD 1, 2 & 3: KOMUNITI PENIAGA, PETANI, NGO DAN PENDUDUK SELAMA

FGD 1, 2 & 3 telah dilaksanakan pada 4 Ogos 2025 (Isnin) melalui kerjasama strategik antara Pejabat Daerah dan Tanah Selama serta Penghulu Mukim Selama, En. Mohd Noralfaezeain. IAD ini menyasarkan pelbagai segmen komuniti setempat termasuk peniaga, penternak, petani, pekerja awam/swasta/pesara, pelajar dan NGO, dengan penyertaan peserta yang dibahagikan kepada lima kumpulan utama. Antara dapatan kritikal yang dikenal pasti menerusi sesi FGD bersama peniaga tempatan termasuklah: **(1)** ketiadaan pemasaran bagi produk tempatan seperti kube arang, kokopeat, roti dan kraftangan *crochet*; **(2)** kekurangan sokongan agensi dalam usaha menambah nilai kemahiran seperti kejuruteraan; dan **(3)** ketiadaan libat urus kerajaan yang berterusan, di mana sesi ini merupakan yang pertama. Keadaan ini diperburuk oleh **(4)** fenomena kelesuan politik, di mana wakil rakyat hanya hadir setiap lima tahun dengan pemberian bantuan bersifat *one-off* tanpa pembangunan berterusan. **(5)** Dalam sektor pertanian, ancaman haiwan liar seperti kera serta kos input pertanian yang melebihi hasil menjadi cabaran utama; dan **(6)** NGO pula menghadapi kesukaran mendapatkan dana daripada Ahli Parlimen atau ADUN walaupun banyak yang berdaftar di bawah parlimen, kebanyakan Ahli Parlimen hanya menyalurkan bantuan



bantuan kepada NGO yang mereka sendiri tubuhkan. **(7)** Ini memaksa NGO tertentu mendapatkan bantuan terus daripada Menteri Besar Perak dan sumbangan orang awam, seperti yang dihadapi NGO pengurusan jenazah sejak 2019. **(8)** Sektor kesihatan turut mencatat kekurangan ketara dengan ketiadaan doktor pakar tetap di Hospital Selama, yang hanya menerima pakar secara lawatan mingguan, sekaligus menjejaskan rawatan kes kritikal seperti komplikasi kehamilan, memaksa rujukan ke hospital lebih jauh seperti Taiping atau Kulim yang memakan masa dan membahayakan nyawa, **(9)** dari sudut pendidikan tinggi, ketiadaan institusi pengajian tinggi di Selama telah menyebabkan penghijrahan generasi muda dan kehilangan potensi ekonomi tempatan; dan **(10)** keluarga berpendapatan rendah turut berdepan kesulitan kewangan dalam menyara anak-anak yang menuntut di madrasah pondok, terpaksa berpindah demi mengurangkan kos sara hidup.




FGD 4: KOMUNITI LUAR BANDAR PARLIMEN LARUT

FGD 4 telah dijalankan dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Selama bersama komuniti dari tiga kampung utama iaitu Kampung Tanjung Sengkang, Kampung Tengah, dan Kampung Ulu Kerung, melibatkan lebih kurang 150 buah rumah dengan anggaran penduduk antara 400 hingga 500 orang. **(1)** Komuniti di kawasan ini bergantung kepada sektor ekonomi luar bandar seperti penorehan getah, penanaman kelapa sawit dan nenas, dengan beberapa petani memiliki tanah pertanian seluas 3 hingga 6 ekar. Namun demikian, musim tengkujuh yang hanya membolehkan penorehan selama seminggu sebulan dan kejatuhan harga getah kepada sekitar RM3.00 telah menjejaskan pendapatan mereka, menyebabkan



menyebabkan ramai beralih kepada kelapa sawit walaupun bantuan seperti dari RISDA hanya disediakan kepada pemilik tanah berdaftar, **(2)** dalam aspek ekonomi, peniaga kecil seperti penjual nasi lemak dan kuih terpaksa mengekalkan harga rendah (RM1.50 dan RM0.50) bagi menyesuaikan kemampuan penduduk setempat, sekali gus menjejaskan keuntungan, **(3)** akses kepada kemudahan kesihatan di Hospital Selama bergantung kepada kenderaan sendiri berikutan ketiadaan pengangkutan awam, **(4)** kampung ini masih mengekalkan semangat gotong-royong, namun menghadapi cabaran dari segi kurangnya pendedahan terhadap bantuan sosial seperti JKM, termasuklah isu kecukupan agensi dalam menyampaikan maklumat dan menyantuni komuniti, **(5)** isu pekerjaan turut membelenggu golongan muda yang cenderung berhijrah ke kawasan perindustrian seperti Kulim dan Pulau Pinang, selain ketidakstabilan pekerjaan akibat peralihan dari sistem kerja tetap kepada kontrak, **(6)** jalan raya yang menghubungkan ke Kulim dikenal pasti sebagai kawasan berisiko tinggi dengan rekod kemalangan akibat ketiadaan lampu jalan dan keadaan jalan yang serong, **(7)** gangguan haiwan seperti monyet berlaku di ketiga-tiga kampung yang terlibat, **(8)** masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah dan perlumbaan haram turut dikenal pasti, khususnya dalam kalangan belia, dan keadaan ini diburukkan lagi oleh dakwaan salah guna kuasa dan kegagalan pihak berkuasa tempatan mengendalikan pengedaran dadah dengan berkesan. **(9)** Kejadian kebakaran turut mencetuskan kebimbangan kerana jalan yang sempit menyukarkan akses kenderaan bomba, **(10)** infrastruktur asas seperti titi ke Kampung Ulu Kerung yang telah runtuh selama hampir dua tahun menghalang akses petani ke kebun mereka, **(11)** ketidakstabilan harga komoditi seperti getah (yang pernah mencapai RM5 namun kini sekitar RM3.10) serta tiada kawalan terhadap manipulasi timbangan oleh peraih turut menambah tekanan kepada petani kecil yang tiada bimbingan teknikal atau pemantauan daripada agensi seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) atau Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA); dan **(12)** Tambahan pula, harga barangan asas seperti beras, gula dan minyak yang tidak dikawal dan berbeza mengikut kedai menyulitkan kehidupan golongan berpendapatan rendah. Keseluruhannya, komuniti di kawasan ini amat memerlukan sokongan dasar dan tindakan intervensi bersepadu daripada agensi kerajaan bagi memperkukuh jaringan sosial, ekonomi dan kesejahteraan asas secara mampan.



LAWATAN TAPAK 1: BERSAMA USAHAWAN TEMPATAN PENTERNAK KAMBING DI KAMPUNG RANTAU PANJANG

Bersama usahawan tempatan penternak kambing di Kampung Rantau Panjang. Beliau telah berkongsi ilmu mengenai penternakan kambing dan cabaran semasa.



FGD 5: JPKK & PENDUDUK KAMPUNG TENGAH, BUKIT BERTAM


FGD 5 bersama Ahli Jawatankuasa Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Tua, Bukit Bertam, Selama (Mukim Hulu Selama) telah mengenal pasti beberapa isu utama yang memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan komuniti setempat, antaranya: **(1)** kemudahan dan infrastruktur asas yang tidak ditambah baik mengikut keperluan semasa, **(2)** wujud jurang komunikasi antara pemimpin tempatan dan penduduk akibat tiadanya platform dialog yang berterusan, **(3)** ketiadaan penyaluran maklumat tentang dasar dan program kerajaan berkaitan sosial dan ekonomi turut menjejaskan kesedaran komuniti, **(4)** isu bekalan air menjadi kebimbangan kerana penduduk di kawasan Rancangan Perkampungan Tersusun hanya bergantung kepada sumber air bukit yang semakin tercemar terutama semasa hujan akibat kegiatan pembalakan sah di hulu kawasan, **(5)** bil elektrik pukal yang tertunggak sehingga mencecah ribuan ringgit menyebabkan penggunaan pum boring tidak dapat dijalankan, **(6)** masalah banjir berulang yang sering melanda kawasan turut memburukkan keadaan, di samping, **(7)** hubungan manusia dengan alam sekitar yang tidak lestari; dan **(8)** liputan internet yang lemah juga menambah cabaran harian komuniti setempat.



LAWATAN TAPAK 2: RANCANGAN PETEMPATAN TERSUSUN



LAWATAN TAPAK 3 : LATA YANG TIDAK DIPROMOSIKAN




LAWATAN TAPAK 4: TEBATAN BANJIR YANG DIBINA UNTUK MENGHALANG BANJIR



FGD 6: KOMUNITI IBU TUNGGAL DAN WARGA EMAS DI KAMPUNG TAPAH

FGD 6 bersama Komuniti Ibu Tunggal dan Warga Emas di Kampung Tapa, Selama (Mukim Ulu Selama) telah menonjolkan pelbagai cabaran yang dihadapi golongan rentan ini, antaranya: **(1)** isu kebajikan ibu tunggal yang sudah berumur namun tidak layak menerima elaun sara hidup JKM atas alasan ditanggung anak, walhal anak mereka sendiri bekerja sebagai penoreh getah dengan pendapatan tidak menentu dan mempunyai tanggungan keluarga sendiri; **(2)** kebanyakan rumah yang didiami oleh ibu tunggal berada dalam keadaan daif, dengan atap bocor dan struktur yang uzur, namun segala usaha Ketua Kampung mendapatkan bantuan melalui pelbagai saluran masih belum berhasil; dan **(3)** ramai dalam kalangan ibu tunggal tidak mengetahui tentang kewujudan atau cara memohon bantuan ekonomi melalui program Industri Kecil dan Sederhana (IKS/PKS), menyebabkan mereka terus terpinggir daripada peluang peningkatan taraf hidup.



LAWATAN TAPAK 5: PENGURUSAN INFRASTRUKTUR PARIT USANG

Kawasan parit yang lama dibina pada tahun 80-an dan tidak ditambahbaik mengikut keperluan semasa menyebabkan banjir berlaku setiap tahun, apabila banjir, tahap air sampai sehingga paras pinggang.



FGD 7: PENGUSAHA PERUSAHAAN MAK LANG FROZEN

FGD 7 dijalankan bersama pengusaha perusahaan makanan sejuk beku Mak Lang Frozen di Kampung Rantau Panjang, Selama (Mukim Hulu Selama) yang dikendalikan oleh En. Yahya dan Pn. Zurainah. Usaha ini telah bermula sejak tahun 2001 dan kini menghasilkan 13 jenis produk dengan dibantu oleh 9 pekerja, berbanding 20 pekerja sebelum pandemik Covid-19. Antara cabaran utama yang dihadapi oleh pengusaha ini termasuklah: **(1)** kos bahan mentah yang semakin meningkat; **(2)** keperluan kepada mesin untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran; **(3)** kekurangan sokongan dari segi logistik; dan **(4)** pemasaran termasuk ketiadaan hub perdagangan, kos pekerja yang tinggi berikutan dasar gaji minimum, tiadanya libat urus dan sokongan daripada agensi kerajaan, serta kos pembentukan pembungkusan yang membebankan.



FGD 8: KOMUNITI INDIA DI MUKIM SELAMA

Perbincangan bersama Komuniti India Mukim Selama pada 5 Ogos 2025. Antara cabarannya: **(1)** kekurangan peluang pekerjaan kerana tiada sektor perkilangan di kawasan ini. Ramai penduduk yang dahulunya tinggal dan bekerja di estet terpaksa berpindah keluar apabila ladang-ladang digantikan dengan tanaman kelapa sawit, **(2)** tahap penyebaran maklumat juga rendah, menyebabkan ramai yang tidak mengetahui tentang peluang atau bantuan yang tersedia; dan **(3)** dana *Malaysian Indian Transformation Unit* (MITRA) didapati tidak sampai kepada kumpulan sasar sebenar dan tidak memenuhi keperluan asas komuniti di peringkat akar umbi.



FGD 9: PENDUDUK KAMPUNG MUKIM HULU IJOK

FGD 9 bersama penduduk Kampung Mukim Hulu Ijok mendedahkan beberapa isu berlarutan yang membelenggu kesejahteraan komuniti. Antaranya: **(1)** ketiadaan sistem pembuangan sampah yang teratur menjadi punca utama pencemaran, **(2)** risiko kesihatan, apabila penduduk terpaksa membuang sampah secara tidak terkawal kerana tiada kemudahan seperti tong *Roll-On Roll-Off* (RORO) disediakan. Isu ini telah lama berlaku tanpa penyelesaian berkesan, **(3)** golongan rentan seperti pekebun kecil, ibu tunggal, dan warga emas menjadi paling terkesan, **(4)** gangguan daripada haiwan liar seperti babi hutan dan kera terus menjejaskan tanaman serta keselamatan penduduk. Aduan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dianggap tidak efektif; dan **(5)** undang-undang sedia ada pula melarang penduduk bertindak sendiri. Keadaan ini menuntut satu dasar baharu yang lebih proaktif dan berkesan dalam menangani populasi haiwan liar yang semakin membiak serta mengancam komuniti luar bandar.

BAHAGIAN B

Laporan Lawatan Pemetaan Isu P.056 Larut

Senarai Jadual

Jadual 1	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Larut
Jadual 2	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 3	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9
Jadual 12	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 10
Jadual 13	Ringkasan Isu 1
Jadual 14	Ringkasan Isu 2
Jadual 15	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Rajah

Rajah 1:	Mesyuarat antara agensi P056 Larut
----------	------------------------------------

Senarai Singkatan

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
BERSATU	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
DUN	Dewan Undangan Negeri
PN	Perikatan Nasional

1.0 PENGENALAN

Kawasan Parlimen Larut (P.056) terletak di negeri Perak dan merangkumi tiga kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu Selama, Kubu Gajah dan Batu Kurau. Berdasarkan data Banci Malaysia 2020, jumlah penduduk di kawasan ini adalah sekitar 66,020 orang,¹ dengan bilangan pengundi berdaftar sebanyak 65,719 orang pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).² Parlimen ini kini diwakili oleh Yang Berhormat Dato' Seri Hamzah bin Zainudin yang mewakili Parti Perikatan Nasional (PN) setelah memenangi kerusi tersebut pada PRU15 (Department of Statistics Malaysia 2020; Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia 2022; Parlimen Malaysia 2023). Parlimen Larut di bawah pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Kecil Selama.



**YB Dato' Seri Hamzah
bin Zainudin**

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Larut, yang dikenali dengan kod **P.056**, terletak di utara Negeri Perak Darul Ridzuan dan merupakan kawasan persekutuan dalam pentadbiran Daerah Larut, Matang dan Selama (LMS). Ia merangkumi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), Selama (N5), Kubu Gajah (N6), dan Batu Kurau (N7). Secara geografi, daerah LMS keseluruhannya bersempadan dengan daerah Kerian (barat laut), Kuala Kangsar (timur), Manjung (selatan), dan Hulu Perak (timur laut), serta di utara dengan negeri Kedah dan berdekatan dengan Selat Melaka di sebelah barat.

Dari segi topografi, Parlimen Larut mempunyai ciri-ciri kawasan **berbukit dan tanah tinggi** yang ketara, terutamanya di bahagian timur, yang menjadi sebahagian daripada Banjaran Bintang Hijau. Banjaran ini memisahkan daerah LMS dengan daerah Kuala Kangsar. Keadaan geografi berbukit ini membolehkan aktiviti pertanian berskala besar seperti penanaman durian (terutamanya di kawasan Batu Kurau dan Bukit Gantang yang berdekatan). Walau bagaimanapun, kawasan ini juga merangkumi kawasan tanah rendah dan dataran yang menyokong pembangunan bandar dan pekan, terutamanya di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selama.³

Kepelbagaian topografi Larut mempengaruhinya sebagai pusat aktiviti eko-pelancongan, terutamanya di zon Hulu Selama, yang terkenal dengan tarikan air terjun dan kawasan semulajadi. Walaupun terletak dalam daerah yang sama, Larut tidak merangkumi kawasan pesisir pantai seperti Matang yang terkenal dengan industri bakau dan produk

¹ <https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Perak/parlimen/P.056%20Larut?utm>

² <https://election.thestar.com.my/perak.html?utm>

³ Pejabat Daerah dan Tanah Selama. (n.d.). *Geografi Daerah*.

akuakultur, sebaliknya lebih menumpukan kepada pembangunan pertanian dan industri SME di Kamunting (sebahagian daripada daerah LMS yang berdekatan).⁴

1.2 Komposisi Penduduk

Daerah Larut menunjukkan jumlah penduduk seramai 66 ribu orang pada tahun 2020 dengan kepadatan 58 orang bagi setiap kilometer persegi di atas keluasan kawasan 1,129 km². Di Parlimen Larut, komposisi etnik penduduk menunjukkan majoriti besar terdiri daripada etnik Bumiputera sebanyak 92.8 peratus, diikuti oleh etnik India sebanyak 4.5 peratus, etnik Cina sebanyak 2.5 peratus, manakala etnik lain-lain hanya 0.2 peratus sahaja. Peratusan ini memperlihatkan sejumlah besar komuniti Bumiputera, sementara masyarakat India dan Cina pula membentuk minoriti yang turut menyumbang kepada kepelbagaian sosial, ekonomi dan budaya di kawasan Parlimen Larut.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Daripada segi pendapatan kasar isi rumah bulanan pada tahun 2019, isi rumah berpendapatan rendah mencatatkan RM4,115 manakala isi rumah berpendapatan menengah adalah RM5,173 (Jabatan Perangkaan Malaysia).

Sektor eko-pelancongan seperti Projek Pelancongan Desa Selama dibawah seliaan Majlis Daerah Selama yang melibatkan penginapan seperti *homestay* dan rumah inap telah membuka ruang kepada aktiviti yang mengkomersialkan warisan serta alam sekitar desa dengan matlamat meningkatkan pendapatan penduduk, khususnya pekebun kecil, di samping mempertingkatkan imej kampung dan menyediakan peluang ekonomi kepada semua lapisan masyarakat. Pada masa yang sama, pembangunan ekonomi komuniti turut berkembang melalui pengeluaran kraftangan, jualan produk makanan, cenderamata, serta penerokaan sumber semula jadi yang boleh dikomersialkan, manakala projek *homestay* dan penginapan desa terus menyokong usaha pembangunan ekonomi tempatan.⁵

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Larut terletak di negeri Perak dan merangkumi kawasan bandar kecil, pekan tradisional, serta kampung-kampung yang masih mengekalkan ciri-ciri desa. Kawasan ini dikelilingi oleh perbukitan dan kawasan hutan, selain mempunyai tanah pertanian yang subur. Bandar Taiping, yang berhampiran, turut menjadi pusat rujukan bagi urusan pentadbiran, ekonomi, dan perkhidmatan. Keadaan fizikal ini memberikan kelebihan dalam sektor pertanian dan pelancongan alam sekitar.

⁴ Perak Sejahtera 2030. (2023). *Daerah Larut, Matang & Selama*.

⁵ Majlis Daerah Selama, "Penginapan – Projek Pelancongan Desa Selama," Majlis Daerah Selama, <https://www.mdselama.gov.my/index.php/penginapan>.

Ekonomi Larut didominasi oleh sektor pertanian (padi, getah, kelapa sawit, buah-buahan tropika), perikanan darat serta aktiviti perusahaan kecil dan sederhana (IKS). Sebahagian masyarakat juga terlibat dalam sektor pelancongan, khususnya ekopelancongan yang memanfaatkan keindahan alam semula jadi seperti air terjun, hutan simpan, dan tasik buatan. Walau bagaimanapun, masih terdapat cabaran dari segi peluang pekerjaan dan kadar pendapatan isi rumah, terutamanya di kawasan kampung. Namun demikian, dari sudut Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), kawasan ini masih berdepan cabaran utama seperti keterbatasan peluang pekerjaan (SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi) serta kadar pendapatan isi rumah yang rendah (SDG 1: Tiada Kemiskinan dan SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan), khususnya di kawasan kampung.

Masyarakat di Larut hidup dalam kepelbagaian budaya melibatkan kaum Melayu, Cina, India, dan masyarakat Orang Asli. Nilai tradisi, gotong-royong, serta sikap hormat-menghormati menjadi teras hubungan sosial. Kehidupan masyarakat desa yang masih kuat dengan adat dan budaya warisan memberi identiti unik kepada kawasan ini dan menyumbang kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan serta Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh.

Hubungan masyarakat di Larut relatif harmoni dengan aktiviti komuniti yang melibatkan pelbagai kaum. Masjid, kuil, dan tokong menjadi pusat interaksi sosial selain balai raya dan dewan komuniti. Namun, cabaran sosial termasuklah keperluan memperkukuh pendidikan, kesihatan awam, dan peluang belia agar jurang bandar-desa dapat dirapatkan.

Larut mempunyai nilai sejarah yang tinggi, antaranya berkait dengan Perang Larut pada abad ke-19 yang membabitkan konflik pelombong bijih timah. Sejarah ini menjadikan Larut sebagai kawasan penting dalam perkembangan awal ekonomi moden Tanah Melayu. Selain itu, bangunan kolonial dan tapak warisan di sekitar kawasan Larut-Taiping menambah nilai sejarah yang wajar dipelihara.

Keunikan Larut terserlah melalui gabungan alam semula jadi, sejarah, dan budaya. Kawasan hutan hujan tropika yang kaya dengan biodiversiti, landskap desa yang indah, serta kepelbagaian etnik dan budaya memberi kelebihan dari segi pembangunan mampan, terutamanya dalam aspek pelancongan, pendidikan warisan, dan kelestarian alam sekitar.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

- **Kajian Awalan**

Kajian awal telah dijalankan oleh penyelidik untuk memahami konteks makro kawasan parlimen serta mengenal pasti isu-isu yang timbul. Kajian ini menggunakan sumber sekunder seperti statistik yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kajian-kajian terdahulu, pencarian dalam talian, dan laporan akhbar. Pendekatan ini bertujuan untuk menyediakan gambaran umum yang lebih jelas mengenai keadaan semasa dan isu yang perlu diberi perhatian dalam kawasan tersebut.

- **Mesyuarat Awalan, Pra Lawatan dan Pengenalan Profil Kawasan Parlimen**

Mesyuarat Awalan bersama YB [Dato' Seri](#) Hamzah bin Zainudin telah diadakan pada 27 Mei 2025 di pejabat rasmi beliau untuk membincangkan gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG. Dalam mesyuarat tersebut, YB [Dato' Seri](#) Hamzah bin Zainudin telah memberi persetujuan untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam melaksanakan kajian pemetaan isu di Parlimen Larut. Wakil APPGM-SDG telah dihadiri oleh Profesor Datuk Dr Denison Jayasooria, Puan Rahmah Othman, Dr Teo Lee Ken, dan Dr Khairil Ahmad.

Pada 4 Julai 2025, Ketua Penyelidik Larut telah mengadakan kunjungan hormat terhadap Pegawai Daerah dan Tanah Daerah Larut, Matang dan Selama, Tuan Mohd Nasrul bin Menhat dan Ketua Penolong Pegawai Daerah dan Tanah, En Mustoffa bin Aliman untuk memberi pengenalan tentang APPGM-SDG dan tujuan kajian pemetaan isu SDG Parlimen Larut di Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang, dan Selama. Tuan Pegawai Daerah telah memberi sokongan penuh dan bersetuju untuk memudahcara perbincangan dialog antara agensi bersama agensi-agensi kerajaan untuk memberi maklum balas dan kesahihan maklumat.

Pada 16 Julai 2025, Ketua Penyelidik Larut telah mengadakan kunjungan hormat terhadap Penolong Pegawai Daerah dan Tanah Daerah Selama, Tuan Mohd Rizman bin Rozi, untuk memberi pengenalan tentang APPGM-SDG dan tujuan kajian lapangan untuk pemetaan isu SDG di Parlimen Larut di Pejabat Daerah dan Tanah Kecil Selama. Beliau telah memberi sokongan penuh dan bersetuju untuk menyelaras perbincangan dialog bersama agensi-agensi kerajaan pada bulan Ogos 2025 untuk memberi maklum balas dan menyemak kesahihan maklumat. Pihak Penghulu untuk Mukim Selama, Mukim Ulu Selama, dan Mukim Ulu Ijok juga

telah bersetuju untuk membantu mengumpulkan para peserta yang terdiri daripada beberapa kumpulan sasaran.

- **Penglibatan Awam Melalui Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD)**

Penglibatan awam melalui sesi perbincangan bersama pihak berkepentingan, atau *Focus Group Discussion* (FGD), merupakan elemen yang amat penting dalam proses pemetaan isu. Tujuan utama penglibatan awam dalam FGD adalah untuk:

- Mengenal pasti isu dan masalah utama yang dihadapi oleh komuniti di Parlimen Larut;
- Berkongsi pandangan serta cadangan penyelesaian terhadap masalah yang berlaku di kawasan tersebut; dan
- Mengambil kira aspirasi daripada kumpulan sasaran berkaitan hala tuju masa hadapan Parlimen Larut.

Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi FGD bersama komuniti dan lawatan tapak di Parlimen Larut adalah seperti berikut:

- | | | |
|---------------------------------------|---|--------------------------------------|
| 1. Dr Thanaraj Murudi | : | Ketua Penyelidik, Ketua Zon Utara |
| 2. Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria | : | Ketua Sekretariat APPGM-SDG |
| 3. James Ryan Raj | : | Pemangku Timbalan Pengarah Eksekutif |
| 4. Dr. Teo Lee Ken | : | Jabatan Penyelarasan Konstituensi |
| 5. Muhammad Noraiman | : | Pembantu Penyelidik |
| Hakim Ahmad Zaki | : | |
| Karuppiah Palaniandy | : | Pembantu Penyelidik |
| Faizzul Amri Shahabuddin | : | Pembantu Penyelidik |
| Pathma Devi Pakrisamy | : | Pembantu Penyelidik |

Sebanyak 10 sesi *Focus Group Discussion* (FGD) telah dilaksanakan bersama komuniti tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) selama tiga hari di kawasan Parlimen Larut. Selain itu, sesi dialog antara agensi turut diadakan bersama agensi Kerajaan selama setengah hari di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Selama. Tentatif ringkas bagi lawatan tapak serta sesi dialog bersama komuniti dan agensi kerajaan adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1. Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Sabak Bernam

TARIKH	PERKARA
4 Ogos 2025, (Isnin)	• FGD 1: B40 • FGD 2: Peniaga • FGD 3: Penduduk Tempatan • FGD 4: Komuniti Peladang
5 Ogos 2025, (Selasa)	• FGD 5: Pengurusan Kampung & Cabaran JPKK Bukit Bertam • FGD 6: Usahawan Kecil / Peniaga Kecil • FGD 7: Penduduk Kampung Tapah & Ibu Tunggal • FGD 8: Komuniti India
6 Ogos 2025, (Rabu)	• FGD 9: Penduduk Tempatan Kg Masjid, Kg Sg Jernih, Kg Sangkut, Kg Teras • FGD 10: Penduduk Tempatan Kg Pantai Besar, Kg Redang Panjang, Kg Sg Segar, FELDA Ijok
14 Ogos 2025, (Khamis)	• Sesi Dialog bersama agensi Kerajaan Daerah Selama (<i>Inter-Agency Dialogue</i>)
25 September 2025, (Khamis)	• Pembangunan Kapasiti bersama Agensi

- **Mesyuarat Dialog antara Agensi**

Mesyuarat antara agensi P056 Larut telah diadakan di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Kecil Selama pada 14 Ogos 2025 pada jam 9.00 pagi. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Penolong Pegawai Daerah Tuan Mohd Rizman bin Rozi. Seramai 17 pegawai agensi kerajaan telah hadir untuk memberi input kepada pemetaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di kawasan Parlimen Larut. Antara agensi yang terlibat adalah daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Perikanan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Pejabat Daerah serta Penghulu-penghulu Mukim Selama, Ulu Selama, dan Ijok.



Rajah 1: Mesyuarat antara agensi P056 Larut

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Larut, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Sepanjang proses pemetaan isu, terdapat satu kekangan telah dikenalpasti oleh ketua penyelidik. Kekangan yang dihadapi adalah berkaitan dengan sesi *Focus Group Discussion* (FGD). Pada awalnya, kajian ini merancang untuk mengadakan setiap sesi FGD secara berasingan untuk mendapatkan pandangan daripada dua kumpulan berbeza. Namun demikian, pihak Penghulu telah mencadangkan agar ketiga-tiga sesi yang untuk tiga hari tersebut *Focus Group Discussion* (FGD) dijalankan secara serentak memandangkan sebahagian besar peserta bekerja dan tidak berkesempatan untuk menyertainya pada waktu petang.

Untuk mengatasi kekangan ini, ketua penyelidik memutuskan untuk membahagikan sesi menjadi beberapa segmen perbincangan yang lebih kecil bagi memastikan setiap peserta dapat memberikan input yang lebih fokus dan teratur. Selain itu, lebih banyak fasilitator dilibatkan dalam sesi tersebut untuk memastikan proses perbincangan berjalan dengan lancar dan setiap suara didengari. Walaupun menghadapi cabaran dalam penyusunan semula sesi ini, pendekatan alternatif yang diambil dapat memastikan objektif kajian tetap tercapai tanpa mengorbankan kualiti perbincangan.

2.4 Keterbatasan Kajian

- **Tempoh masa yang terhad untuk sesi FGD**

Salah satu batasan utama dalam kajian ini adalah tempoh masa yang terhad untuk sesi perbincangan. *Focus Group Discussion* (FGD) hanya berlangsung selama dua jam. Tempoh masa yang singkat ini tidak mencukupi untuk membincangkan isu-isu secara lebih mendalam atau mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci daripada peserta. Akibatnya, beberapa aspek penting yang memerlukan perbincangan lebih lanjut dan pengumpulan maklumat yang lebih mendalam tidak dapat dilakukan. Walaupun alternatif lain seperti temubual individu atau kajian lebih lanjut dapat dicadangkan, namun kekangan masa menjadikan pendekatan ini tidak dapat dilaksanakan dalam ruang waktu yang sama, mengakibatkan hasil kajian terbatas kepada maklumat yang diperoleh dalam tempoh yang singkat.

- **Kesukaran menyertakan semua kumpulan sasaran**

Batasan lain yang dihadapi adalah kesukaran untuk menemui dan melibatkan semua kumpulan sasaran yang relevan dalam kajian. Walaupun usaha telah dilakukan untuk mengenal pasti dan menjemput wakil daripada pelbagai kumpulan, terdapat beberapa kelompok yang tidak dapat dijumpai atau disantuni kerana faktor jarak, kekangan masa, atau kesukaran dalam komunikasi. Hal ini menyebabkan kajian terhad kepada sumber maklumat daripada kumpulan yang berjaya dijumpai sahaja, dengan ketiadaan perspektif penting daripada kelompok lain yang mungkin dapat memberikan pandangan berbeza atau lebih menyeluruh.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah tiga isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):

Jadual 2. Rangkuman Isu Rentas SDG

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Pertembungan manusia dengan kehidupan dan alam habitat	Gangguan kera yang semakin serius telah menjejaskan hasil tanaman, sekali gus mengurangkan pendapatan para petani dan pekebun. Keadaan ini diburukkan lagi dengan populasi kera menunjukkan kadar pembiakan yang pesat. Menurut peruntukan undang-undang sedia ada, penduduk adalah dilarang untuk mengambil tindakan sendiri, termasuk	Ekonomi / Alam Sekitar	Petani Penduduk setempat	Kampung Tua, Bukit Bertam (Mukim Hulu Selama) Kampung Teras (Mukim Hulu Ijok)	SDG 2: Membasmi Kelaparan Sasaran 2.4: Menjelang 2030, memastikan sistem pengeluaran makanan mampan dan melaksanakan amalan pertanian berdaya tahan yang dapat meningkatkan produktiviti dan membantu melindungi ekosistem. SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab Sasaran 12.2: Menjelang 2030, mencapai pengurusan dan penggunaan sumber semula jadi yang mampan.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		menembak haiwan liar. Oleh itu, keperluan untuk merangka dasar baharu yang lebih berkesan adalah mendesak bagi menangani isu pembiakan haiwan liar, khususnya spesies seperti kera yang mempunyai kadar pembiakan yang tinggi.				SDG 13: Tindakan terhadap Perubahan Iklim Sasaran 13.1: Memperkukuh daya tahan dan keupayaan menyesuaikan diri terhadap bahaya berkaitan iklim dan bencana alam. SDG 15: Kehidupan di Darat Sasaran 15.1: Menjelang 2020 dan seterusnya, memastikan pemuliharaan, pemulihan, dan penggunaan ekosistem daratan secara mampan. Sasaran 15.5: Mengambil tindakan segera dan berkesan untuk mengurangkan kemerosotan habitat semula jadi serta kehilangan biodiversiti. Sasaran 15.7: Mengambil langkah segera untuk menamatkan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						pemburuan haram dan perdagangan spesies yang dilindungi. SDG 17: Perkongsian untuk Mencapai Matlamat Sasaran 17.16: Memperkukuh perkongsian global untuk pembangunan mampan, termasuk kerjasama kerajaan, sektor swasta, NGO, dan masyarakat tempatan.
2.	Peluang pekerjaan terhadap di kawasan luar bandar dan dimonopoli oleh warga asing	Fenomena pengambilan pekerja asing oleh syarikat besar seperti <i>Farm Fresh</i> dilihat mengurangkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, khususnya belia luar bandar yang memiliki kemahiran asas dalam penternakan.	Sosial / Ekonomi	Belia Penduduk setempat	Parlimen Larut	SDG 1 – Tiada Kemiskinan Sasaran 1.4: Menjamin akses sama rata kepada peluang ekonomi dan sumber produktif untuk golongan miskin dan luar bandar. SDG 8 – Pekerjaan yang Layak dan Pertumbuhan Ekonomi Sasaran 8.3: Menggalakkan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pertanian

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Faktor kos buruh yang lebih rendah dan kemudahan operasi mendorong syarikat untuk meminggirkan tenaga kerja tempatan, sekali gus menyebabkan ramai belia terpaksa berhijrah mencari pekerjaan di luar daerah atau kekal menganggur. Keadaan ini, yang telah berlarutan selama beberapa tahun, memberi kesan paling ketara kepada lepasan sekolah dan golongan muda di kawasan seperti Selama yang bergantung kepada sektor penternakan sebagai sumber pendapatan utama.				moden, dan keusahawanan di kawasan luar bandar. Sasaran 8.5: Menjamin pekerjaan penuh, produktif, dan upah yang setara untuk semua lelaki dan wanita, termasuk belia serta orang kurang upaya menjelang 2030. Sasaran 8.6 Mengurangkan kadar pengangguran belia melalui latihan kemahiran teknikal dan vokasional. SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan Sasaran 10.2: Memperkasa keterangkuman sosial, ekonomi, dan politik semua lapisan masyarakat, tanpa diskriminasi.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
3.	Penyalahgunaan dadah	Penagihan syabu didapati semakin berleluasa dalam komuniti. Keadaan ini menyebabkan golongan belia dan remaja di kawasan luar bandar, khususnya di perkampungan, semakin terdedah kepada risiko pengaruh dan penglibatan dalam aktiviti penyalahgunaan dadah.	Sosial	Belia Peneroka Felda	Ulu Kroh, Tanjong Lengkon (Mukim Selama) Kampung Teras Felda Ijok (Mukim Hulu Ijok)	SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan Sasaran 3.5: Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan penggunaan berbahaya alkohol. Sasaran 3.3: Menamatkan epidemik penyakit berjangkit seperti HIV/AIDS, hepatitis, dan penyakit bawaan darah yang sering berkait dengan penggunaan jarum suntikan dadah. Sasaran 3.4: Mengurangkan kadar kematian akibat penyakit tidak berjangkit serta meningkatkan kesihatan mental – kerana penyalahgunaan dadah memberi

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						impak besar kepada kesihatan mental dan fizikal. SDG4: Pendidikan Berkualiti Sasaran 4.7: Memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran untuk mempromosikan pembangunan mampan, termasuk melalui pendidikan kesihatan, pencegahan dadah, dan gaya hidup sihat. SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi Sasaran 8.6: Mengurangkan kadar belia yang tidak bekerja, tidak mendapat pendidikan atau latihan.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 3. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1, 2, 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1, 2, 3: Dialog Bersama B40, Peniaga, dan Penduduk Tempatan (Mukim Selama) di Selama Inn Tarikh: 04 Ogos 2025 Bilangan peserta: 45 peserta Kaedah FGD: Perbincangan dalam 5 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2. Penolong Pegawai Daerah 3. PERKESO
1.	Akses hubungan ke kebun terjejas	Titi atau jambatan kecil menuju ke Ulu Krong telah runtuh sejak hampir dua tahun yang lalu dan merupakan laluan penting yang digunakan oleh ramai pekebun serta peladang untuk mengakses kebun mereka. Penduduk dan peladang tempatan amat berharap agar pihak agensi berkaitan dapat mengambil tindakan segera bagi memperbaiki kemudahan tersebut demi memastikan kelancaran aktiviti pertanian dan kesejahteraan komuniti setempat. Ulu Kroh, Tanjong Lengkong (Mukim Selama)	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Penipuan atas talian / <i>Scam</i>	Kes penipuan maya pada masa kini menunjukkan trend yang membimbangkan, terutamanya dalam kalangan penduduk kampung, khususnya warga emas. Berdasarkan maklum balas responden, golongan ini lebih terdedah kepada risiko menjadi mangsa penipuan atas talian disebabkan oleh tahap pendedahan dan pengetahuan yang rendah terhadap penggunaan teknologi digital semasa. Justeru, usaha meningkatkan kesedaran serta menyediakan pendedahan yang sistematik dan berterusan kepada mereka adalah penting bagi mengurangkan risiko menjadi mangsa jenayah siber. (Penduduk awam (Mukim Selama))	PDRM: Di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Selama, bahagian jenayah komersial hanya mula diwujudkan pada tahun ini, setelah sebelum ini semua kes berkaitan dirujuk ke IPD Taiping. Bahagian ini masih kecil dengan keanggotaan seramai empat orang sahaja, termasuk seorang pegawai, dua anggota dan seorang kerani. Jenayah komersial kini dilihat semakin serius, khususnya melibatkan penipuan terhadap golongan warga emas dan pesara, yang sering menjadi mangsa kerana faktor usia serta kecenderungan mudah mempercayai pihak tertentu. Kes-kes sedemikian dilaporkan berlaku hampir setiap minggu, dengan purata dua hingga tiga kes. PDRM Selama berusaha meningkatkan kesedaran masyarakat melalui saluran rasmi seperti Pegawai Perhubungan Masjid (PPM) dan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) untuk menyalurkan maklumat pencegahan. Walau bagaimanapun, cabaran utama adalah kepintaran penjenayah yang menggunakan pelbagai taktik licik, serta hakikat bahawa mangsa melibatkan pelbagai peringkat masyarakat termasuk penjawat awam, pelajar dan warga tua.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Keciciran pembelajaran dalam kalangan belia	Segelintir pelajar memilih untuk berhenti sebelum menamatkan pendidikan di peringkat menengah. Faktor dalaman seperti kurangnya motivasi, rasa malas, dan keengganan untuk hadir ke sekolah sering menjadi pendorong utama. Selain itu, terdapat juga pengaruh faktor luaran, terutamanya kekangan sosioekonomi keluarga, di mana sesetengah ibu bapa tidak berupaya memberikan bimbingan atau teguran yang sewajarnya kerana keletihan akibat bekerja sepanjang hari bagi menyara kehidupan seharian. Penduduk Tempatan JPKK Bukit Bertam & Kampung Rantau Panjang (Mukim Selama)	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
4.	Tiada sistem pemasaran yang baik	Ketiadaan jaringan pemasaran yang berkesan telah menjejaskan peluang pasaran bagi pengusaha tempatan seperti pengusaha kube arang dan kokopeat, pengusaha roti, serta pengusaha barangan crochet. Para pengusaha menyatakan bahawa produk mereka hanya mendapat sambutan terhadap daripada penduduk kampung setempat, tanpa	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		akses yang meluas kepada pasaran luar. (Peniaga (Mukim Selama))	
5.	Tiada pusat sembelihan dan pusat pemasaran ternakan di Selama	Ketiadaan pusat sembelihan dan pusat pemasaran ternakan di daerah Selama telah menjejaskan keupayaan penternak untuk memasarkan hasil ternakan secara langsung dan dalam skala besar. Keadaan ini memaksa mereka mendapatkan perkhidmatan di luar kawasan, sekali gus meningkatkan kos logistik dan rawatan ternakan. Kekurangan perhatian serta pelaburan daripada pihak berkuasa telah menyebabkan pembangunan infrastruktur sektor ternakan terbantut. Penternak kecil, yang bergantung sepenuhnya kepada pendapatan daripada ternakan, merupakan kelompok paling terkesan, dan isu ini berlarutan sejak bertahun-tahun tanpa penyelesaian melalui pembinaan kemudahan asas yang diperlukan. (Penternak (Mukim Selama))	Setiausaha Majlis Daerah Selama: Isu utama yang dibangkitkan adalah ketiadaan pusat sembelihan dan pusat pemasaran ternakan di kawasan Selama. Walaupun Majlis Daerah Selama (MDS) menyediakan kemudahan berkaitan perancangan untuk pemasaran ayam, namun tiada inisiatif khusus bagi pusat sembelihan kambing dan lembu. Hal ini disebabkan ketiadaan penglibatan langsung daripada agensi kawal selia seperti Jabatan Pertanian dan Jabatan Veterinar. Justeru, keperluan untuk mendapatkan kerjasama dan maklumat daripada agensi berkenaan telah dikenalpasti sebagai langkah penyelesaian.
6.	Peluang pekerjaan tidak diberikan kepada penduduk tempatan.	Fenomena pengambilan pekerja asing oleh syarikat besar seperti <i>Farm Fresh</i> dilihat mengurangkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan,	PERKESO: <i>Farm Fresh</i> telah berdaftar dengan pihak berkuasa dan dikenal pasti menghadapi isu berkaitan sifat pekerjaan 3D (dirty, dangerous, difficult) yang menyukarkan penglibatan tenaga

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		khususnya belia luar bandar yang memiliki kemahiran asas dalam penternakan. Faktor kos buruh yang lebih rendah dan kemudahan operasi mendorong syarikat untuk meminggirkan tenaga kerja tempatan, sekali gus menyebabkan ramai belia terpaksa berhijrah mencari pekerjaan ke luar daerah atau kekal menganggur. Keadaan ini, yang telah berlarutan selama beberapa tahun, memberi kesan paling ketara kepada lepasan sekolah dan golongan muda di kawasan seperti Selama yang bergantung kepada sektor penternakan sebagai sumber pendapatan utama. (Golongan muda / Belia & Penduduk setempat (Mukim Selama))	kerja secara berterusan. Walaupun syarikat menggunakan kemudahan PERKESO, majoriti permohonan pekerja adalah dalam bidang pentadbiran, manakala bagi tenaga kerja di bahagian operasi kadar pusing ganti (turnover) adalah sangat tinggi, dengan kebanyakan pekerja berhenti dalam tempoh tiga hingga enam bulan untuk mencari pekerjaan lain. Keadaan ini mengakibatkan <i>FarmFresh</i> kerap merujuk kepada Seksyen 69(23) apabila pekerja berhenti secara mengejut, di mana caruman hanya dapat dibuat sekiranya pekerja hadir bekerja; jika tidak, syarikat terpaksa menamatkan hubungan pekerjaan. Isu berkaitan ketiadaan akses kepada sumber pendapatan dan kekurangan peluang pekerjaan telah dibincangkan. Wakil PTK menjelaskan bahawa agensi tersebut berperanan sebagai badan penguatkuasaan undang-undang, seumpama APMM, dan tidak bertanggungjawab menyediakan peluang pekerjaan atau sumber pendapatan. Sebaliknya, aspek peluang pekerjaan berada di bawah bidang kuasa agensi lain seperti PERKESO, yang telah memulakan pelaksanaan berkaitan pada 1 Januari 2020.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
7.	Kurangnya program dan latihan pembinaan kapasiti dan kemahiran	Ketiadaan sokongan dan program <i>outreach</i> daripada agensi berkaitan telah menjejaskan usaha pembangunan perniagaan serta peningkatan nilai kemahiran, khususnya dalam bidang kejuruteraan seperti pembaikan motosikal moden dan terkini. Selain itu, pengusaha rintis dalam sektor perusahaan roti dan pastri, serta mekanik motosikal, turut memerlukan bantuan bagi memperoleh jentera atau peralatan berat berteknologi tinggi yang bernilai besar. Ini bagi tujuan pengurusan dan pengembangan operasi secara berkesan. Peniaga (Mukim Selama)	Penglibatan agensi di kawasan tersebut telah dilaksanakan secara aktif dengan kerjasama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Bukit Bertam bersama masyarakat setempat. Pelbagai program telah dianjurkan dengan penglibatan agensi seperti KEMAS, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), RISDA, serta sokongan daripada pihak masjid dan surau dalam menyalurkan maklumat kepada penduduk, termasuk melalui pengumuman sebelum solat Jumaat. Walau bagaimanapun, beliau mengakui terdapat segelintir penduduk yang kurang menerima maklumat secara menyeluruh dan menekankan keperluan penambahbaikan dalam mekanisme penyampaian maklumat di peringkat mukim. Selain itu, isu akses ke kebun di Mukim Selama Hulu Kroh yang melibatkan jambatan kecil (titi) telah diambil maklum oleh pihak berwajib dan sedang dalam proses pembaikan. Maklumat terkini berhubung perkembangan kerja pembaikan tersebut akan diperoleh daripada pihak Jabatan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Pengairan dan Saliran (JPS) sebelum dimaklumkan kembali kepada pihak berkaitan.
8.	Ketiadaan libat urus dan <i>outreach</i> oleh agensi kerajaan/tempatan kepada pengusaha tempatan	Penyampaian maklumat lebih tertumpu kepada saluran dalam talian yang tidak dapat diakses oleh majoriti penternak, khususnya penternak kecil di kawasan luar bandar yang kurang celik teknologi. Kekurangan petugas berkemahiran dalam penyampaian maklumat, dan ketiadaan program <i>outreach</i> di lapangan telah mengakibatkan jurang maklumat yang signifikan, sehingga golongan penternak kecil terpinggir daripada bantuan dan peluang yang ada. Keadaan ini telah berlarutan melebihi dua tahun tanpa penyelesaian yang tuntas. (Penternak sekitar Kg. Medan, Sungai Bayor dan Kg. Rantau Panjang (Mukim Selama))	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti Peladang di Dewan Orang Ramai Kampung Tanjung Lengkon, Selama Tarikh: 4 Ogos 2025 Bilangan peserta: 13 peserta Kaedah FGD: Perbincangan dalam 3 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Pegawai Belia dan Sukan
1.	Penyalahgunaan dadah	Penagihan syabu didapati semakin berleluasa dalam komuniti. Keadaan ini menyebabkan golongan belia dan remaja di kawasan luar bandar, khususnya di perkampungan, semakin terdedah kepada risiko pengaruh dan penglibatan dalam aktiviti penyalahgunaan dadah. (Ulu Kroh, Tanjong Lengkon, Mukim Selama)	Pegawai Belia dan Sukan: Pejabat Belia dan Sukan mengakui keterbatasan kuasa dalam menangani secara langsung isu penglibatan belia dengan masalah sosial seperti dadah, memandangkan bidang kuasa penangkapan atau siasatan terletak pada agensi lain. Justeru, peranan utama pejabat ini tertumpu kepada penyediaan program dan pengisian yang bersifat pencegahan, khususnya bagi kumpulan belia di peringkat sekolah menengah rendah yang masih mudah dibentuk melalui kesedaran dan nasihat. Program-program tersebut dirangka untuk mengisi masa lapang belia agar mereka tidak mudah terjebak dengan gejala negatif. Walau bagaimanapun, bagi golongan belia yang sudah terlibat secara aktif dalam penyalahgunaan dadah, usaha dijalankan melalui kerjasama dengan pelbagai pihak seperti AADK, penghulu dan PPD, meskipun keberkesanan intervensi ini masih sukar

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			dipastikan. Sasaran program meliputi belia yang terlibat dengan masalah sosial, pengangguran, serta belia yang berjaya, selaras dengan jangkaan komuniti setempat.
2.	Operasi dan pembelian oleh penimbang minyak kelapa sawit yang tidak telus	Terdapat pandangan bahawa terdapat penipuan harga minyak kelapa sawit oleh penimbang ataupun pembeli kelapa sawit. Peladang mendapati berat minyak yang berjumlah 1 tan, hanya berjumlah berat 700 ke 800 kg apabila sampai dan ditimbang oleh penimbang. Mereka berpendapat tiada sistem pemantauan yang konsisten oleh pihak berkuasa.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
3.	Pendapatan penoreh getah yang rendah	Harga getah yang rendah, dan juga pendapatan bulanan yang rendah bagi pekebun getah. Pendapatan paling tinggi yang dapat diperolehi pekebun adalah sebanyak RM500 sahaja	
4.	Ketiadaan penyelarasan harga bagi barangan keperluan asas	Terdapat pandangan daripada peserta bahawa harga jualan minyak, gula dan beras tidak menepati harga siling yang ditetapkan kerajaan.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Kedai yang berbeza mempunyai harga jualan yang berbeza bagi barang-barang ini.	
5.	Keperluan untuk sistem pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih cekap	Terdapat isu penagihan dan pengedaran di kawasan kampung ini. Peserta beri makluman bahawa pihak yang terlibat dalam pengedaran mempunyai hubungan rapat dengan pihak berkuasa. Penagih ditangkap, tetapi pengedar tidak ditangkap oleh pihak berkuasa. Tambahan, ada perkongsian bahawa apabila ada pasukan daripada pihak berkuasa ibu pejabat ingin masuk untuk jalankan operasi, pihak berkuasa tempatan telah pun maklumkan pihak-pihak yang terlibat dahulu.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
6.	Ketiadaan hubungan dan libaturus antara pihak berkuasa dan penduduk tempatan	Kawasan kampung di sini tidak pernah dilawat oleh mana-mana agensi tempatan untuk mengambil tahu dan mendapatkan maklum balas daripada penduduk tempatan berkenaan isu-isu terdesak. Agensi-agensi termasuk MPOB, RISDA, dan pemimpin-pemimpin tempatan.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama Pengurusan Kampung & Cabaran JPKK Bukit Bertam di Dewan Orang Ramai Kampung Tua, Bukit Bertam, Selama Tarikh: 5 Ogos 2025 Bilangan peserta: 12 peserta Kaedah FGD: Perbincangan dalam 4 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Penolong Pegawai Daerah 2. Setiausaha Majlis Daerah Selama 3. Jabatan Alam Sekitar (JAS)
1.	Tanah wakaf tanpa dokumen yang sah menyukarkan permohonan bantuan kerajaan	Status tanah bagi dewan yang digunakan pada masa ini merupakan tanah wakaf yang diikrarkan secara lisan dan dikategorikan sebagai tanah persendirian. Keadaan ini menimbulkan kekangan terhadap penerimaan sebarang bentuk bantuan atau sokongan daripada agensi kerajaan mahupun agensi lain. Akibat daripada status pemilikan tersebut, tiada pembiayaan atau kerja-kerja naik taraf dapat dilaksanakan ke atas dewan berkenaan. Dewan ini juga merupakan satu-satunya kemudahan serbaguna yang tersedia bagi kawasan dari Bukit Bertam hingga ke Kampung Baru, menjadikannya kemudahan penting kepada komuniti setempat.	Berkaitan dengan status tanah bagi Dewan Orang Ramai ialah ketiadaan dokumen rasmi yang mengesahkan penyerahan hak milik. Walaupun pada asalnya tanah tersebut difahami sebagai wakaf, hakikatnya ia tidak diserahkan kepada Majlis Agama, sebaliknya digunakan untuk kepentingan awam melalui pembinaan dewan. Namun, status tanah kekal sebagai milikan persendirian kerana tidak dipindah milik kepada kerajaan. Keadaan ini menimbulkan kekangan dari segi peruntukan baik pulih kerana aset tersebut belum diwartakan sebagai harta kerajaan. Tambahan pula, kesukaran timbul apabila pewakaf asal telah meninggal dunia dan wujud percanggahan dalam kalangan waris, sekali gus menyulitkan proses pindah milik. Justeru, tindakan penyelesaian yang diambil pihak berkuasa adalah memohon pengambilan tanah secara rasmi, agar ia dapat dijadikan tanah kerajaan, diwartakan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			sebagai Dewan Orang Ramai, serta layak menerima peruntukan penyelenggaraan daripada kerajaan.
2.	Ketiadaan jaringan internet yang baik dan lancar yang boleh digunakan oleh penduduk tempatan untuk akses maklumat awam dan penting	Penduduk memaklumkan bahawa liputan internet di kawasan mereka adalah tidak memuaskan dan tidak stabil, sekali gus menjejaskan akses kepada berita, maklumat bantuan, serta program-program kerajaan. Keadaan ini turut memberi kesan kepada pelajar sekolah yang memerlukan internet bagi tujuan seperti pendaftaran sekolah. Terdapat juga penduduk yang melaporkan bahawa mereka terpaksa bergantung kepada liputan internet yang berpunca daripada rangkaian telekomunikasi di negeri Kedah.	Setiausaha Majlis Daerah Selama: Pada 30 Jun yang lalu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah membentangkan laporan mengenai liputan serta prestasi telekomunikasi di daerah Selama, Perak. Berdasarkan dapatan, sebanyak 99.4 peratus kawasan berpenduduk di daerah tersebut telah mencapai capaian liputan, namun terdapat beberapa lokasi yang masih tidak menerima liputan, termasuk kawasan Bukit Bertam yang merangkumi Kampung Medan, Kampung Batu 3, dan kawasan sekitar. MCMC memaklumkan bahawa di bawah Program JENDELA, sebanyak 10 tapak stesen pemancar telah siap dibina, manakala 4 lagi sedang dalam perancangan, menjadikan keseluruhan 14 tapak di daerah Selama. Tambahan dua tapak sedang dalam proses pembinaan di Kampung Medan dan Kampung Batu 3, dengan dua lagi tapak tambahan dirancang. Pihak berkepentingan disarankan mendapatkan data lebih terperinci daripada MCMC untuk tujuan pengesahan dan rujukan lanjut.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Tiada bekalan air terawat	Penduduk di Kampung Baru Basong telah mengalami ketiadaan bekalan air bersih selama kira-kira sembilan tahun. Komuniti ini merupakan kumpulan yang dipindahkan dari kawasan banjir dan hanya menerima bekalan elektrik selepas berpindah. Namun masih belum memperoleh akses kepada sistem bekalan air yang terancang dan sistematik. Bagi memenuhi keperluan harian, penduduk bergantung kepada sumber air bukit yang infrastrukturnya disediakan oleh agensi kerajaan. Walau bagaimanapun, kawasan tadahan atau takungan air tersebut terdedah kepada pencemaran akibat kemasukan haiwan liar, termasuk babi hutan. (Kampung Baru Basong)	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
4.	Fenomena banjir yang berulang	Penduduk memaklumkan bahawa kejadian banjir berlaku secara tahunan, khususnya pada bulan Ogos dan September. Fenomena ini dikaitkan dengan kelemahan sistem perparitan dan saliran	Kampung Baru Bukit Bertam terletak berhampiran kawasan banjir di Selama dan menghadapi isu berkaitan sumber bekalan air. Sebuah sistem penapisan air telah dibina oleh pihak pembalok melalui persetujuan bersama dengan penduduk,

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		yang tidak pernah ditambah baik atau dimodenkan bagi menampung keperluan dan cabaran semasa. Sistem sedia ada dibangunkan sejak tahun 1980an dan masih beroperasi tanpa penambahbaikan yang signifikan. (Kampung Tengah, Bukit Bertam, Mukim Hulu Selama)	memandangkan kos untuk memasukkan bekalan air terawat daripada LAP adalah terlalu tinggi. Walau bagaimanapun, sistem ini masih bergantung kepada sumber air bukit, yang sering terjejas akibat hujan lebat dan banjir kilat sehingga menjejaskan kualiti serta kelestarian bekalan air. Pada masa ini, pejabat daerah sedang giat mencari penyelesaian jangka panjang bagi memastikan bekalan air yang stabil dan berdaya tahan dapat disalurkan ke kawasan RPT Kampung Baru.
5.	Pertembungan masyarakat dan kehidupan dan alam habitat	Gangguan kera yang semakin serius telah menjejaskan hasil tanaman, sekali gus mengurangkan pendapatan para petani dan pekebun. Keadaan ini diburukkan lagi dengan populasi kera menunjukkan kadar pembiakan yang pesat. Menurut peruntukan undang-undang sedia ada, penduduk adalah dilarang untuk mengambil tindakan sendiri, termasuk menembak haiwan liar.	Gangguan hidupan liar, khususnya spesies kera, sering dilaporkan berlaku di kawasan tanah terbiar seperti kebun lama yang tidak diuruskan, yang seterusnya menjadi habitat utama spesies tersebut. Walaupun usaha kawalan dijalankan melalui pemasangan perangkap oleh pihak berkuasa dan penduduk setempat, masalah ini sukar diselesaikan secara menyeluruh tanpa pengurusan jangka panjang terhadap kawasan terbiar. Operasi berskala besar juga menghadapi kekangan kos, terutamanya bagi pembelian peluru yang digunakan oleh pihak berkuasa.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Oleh itu, keperluan untuk merangka dasar baharu yang lebih berkesan adalah mendesak bagi menangani isu pembiakan haiwan liar, khususnya spesies seperti kera yang mempunyai kadar pembiakan yang tinggi.	Daripada sudut perundangan, masyarakat awam tidak dibenarkan mengambil tindakan membunuh haiwan ini kerana ia dilindungi di bawah akta berkaitan hidupan liar. Tambahan pula, terdapat pindaan baharu yang memperkenalkan pendekatan penswastan dalam pengurusan hidupan liar bermasalah, namun pelaksanaannya masih dalam penelitian kerana status konservasi spesies kera kini telah dinaik taraf di peringkat antarabangsa. Keadaan ini mewujudkan cabaran besar kepada pihak berkuasa tempatan, yang hanya dapat melaksanakan kawalan terhad seperti tangkapan dan operasi menembak, tetapi berisiko menimbulkan reaksi negatif daripada pihak pencinta haiwan.
6.	Kemudahan & infrastruktur yang perlu ditambahbaik ikut keperluan semasa	Terdapat sebuah jalan yang merentasi kawasan ladang kelapa sawit yang berada dalam keadaan tidak diselenggara. Pada peringkat awal, penyelenggaraan jalan tersebut dilaksanakan oleh RISDA. Namun, selepas tanaman di kawasan berkenaan ditukar daripada getah kepada kelapa sawit, tiada	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		lagi agensi yang mengambil tanggung jawab penyelenggaraan. Pihak MPOB turut memaklumkan bahawa mereka tidak mempunyai peruntukan kewangan untuk tujuan tersebut.	
7.	Kurang penyaluran maklumat sosial dan ekonomi kepada penduduk tempatan	Penduduk Kampung Tengah melaporkan bahawa tahap pengetahuan mereka terhadap program serta usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan adalah terhad. Mereka turut menyatakan bahawa sokongan dan bantuan, termasuk geran serta pelbagai inisiatif sosial yang disediakan, kurang mendapat pendedahan sewajarnya dan tidak diketahui secara meluas oleh komuniti setempat.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Usahawan Kecil /Peniaga Kecil Tarikh: 5 Ogos 2025 Bilangan peserta: 2 peserta Kaedah FGD: Perbincangan dalam 1 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. KPDN 2. MARA
1.	Tiada sistem pemasaran yang baik	Dalam konteks pembangunan ekonomi tempatan, para pengusaha memerlukan sokongan yang kukuh serta sistem pemasaran yang berkesan bagi memperluas pasaran produk mereka. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan jumlah penjualan dan seterusnya memperkuat pendapatan. Pada masa ini, kawasan pemasaran para pengusaha tertumpu di sekitar Selama dan negeri Perak sahaja. Sehubungan itu, adalah dicadangkan agar sebuah hab atau pusat penjualan dan pengumpulan produk diwujudkan sebagai strategi untuk memperluas capaian pasaran serta mengoptimumkan rantai bekalan.	KPDN: Isu berkaitan sokongan kepada pengusaha dan peniaga telah diperjelaskan. Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) menjelaskan bahawa perkara ini lebih tertumpu di bawah tanggungjawab MARA. MARA menyediakan skim pinjaman bercagar atau berpenjamin serta premis perniagaan, termasuk 16 gerai di Pekan Selama dengan kadar sewaan antara RM200 hingga RM400 sebulan, yang terbuka kepada semua pemohon tanpa mengira latar belakang sosioekonomi. Selain itu, inisiatif Majlis Daerah Selama (MDS) turut memainkan peranan penting melalui penyediaan kiosk dan mesin layan diri (vending machine) di Selama Inn sebagai platform mempromosikan produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS). MDS juga menawarkan hub ekopelancongan yang

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		(Perusahaan Perniagaan Makanan Sejuk Beku Mak Lang Frozen Kampung Rantau Panjang, Selama, Mukim Hulu Selama)	membolehkan peniaga menyewa ruang untuk memasarkan produk mereka secara lebih meluas.
2.	Ketiadaan libat urus dan <i>outreach</i> oleh agensi kerajaan/tempatan kepada pengusaha tempatan	Sejak tahun 2005, apabila Jabatan Pertanian memberikan dorongan awal, para pengusaha mendapati tiada lagi agensi atau pihak berkuasa yang menawarkan bantuan mahupun khidmat nasihat daripada pakar secara berterusan. Walaupun terdapat beberapa lawatan daripada pihak universiti serta pejabat daerah dan tempatan bersama pengunjung luar, sokongan atau bantuan khusus tidak pernah disalurkan. Ketiadaan bimbingan teknikal dan akses kepada sumber pembiayaan ini telah menyebabkan pengusaha tidak berupaya merangka strategi yang berkesan untuk meningkatkan produktiviti serta memperluas jangkauan operasi mereka.	MARA: MARA menawarkan pelbagai kursus berbayar yang boleh dirujuk melalui laman sesawang rasmi, dengan kadar yuran antara RM50 hingga RM100. Kursus-kursus ini memberi tumpuan kepada bidang kemahiran, khususnya dalam pemasaran, perakaunan dan keusahawanan, serta dilaksanakan di bawah pengelolaan Giat MARA. Di daerah Selama, Giat MARA menjadi institusi utama dalam penyediaan latihan kemahiran seperti pembuatan kek, pemprosesan makanan, dan aktiviti transaksi asas. Walau bagaimanapun, daerah tersebut berdepan kekangan infrastruktur pendidikan kerana ketiadaan institusi pengajian tinggi seperti universiti, politeknik, dan kolej komuniti, menjadikan Giat MARA sebagai satu-satunya institusi tertinggi yang wujud di kawasan berkenaan.

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog Bersama Penduduk Kampung Tapah & Ibu Tunggal Tarikh: 5 Ogos 2025 Bilangan peserta: 17 peserta Kaedah FGD: Perbincangan dalam 3 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
1.	Keperluan untuk menambah baik penyampaian khidmat bantuan JKM kepada warga emas	Saluran bantuan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) didapati kurang diketahui oleh komuniti setempat, termasuk pelbagai geran yang tersedia. Kekurangan pendedahan ini menyebabkan ramai penduduk tidak memahami prosedur atau kaedah permohonan bantuan dengan betul, mengakibatkan permohonan mereka sering ditolak oleh pihak JKM. Keadaan ini seterusnya menyumbang kepada keciciran komuniti, khususnya golongan warga emas, di mana sebahagian besar daripada mereka hanya memiliki tahap celik digital yang terhad. Kebanyakan daripada mereka tinggal bersama anak-anak dan bergantung kepada pendapatan yang rendah, yang hanya mencukupi untuk menampung keperluan asas harian keluarga.	Jabatan Kebajikan Masyarakat: Isu bantuan kebajikan masyarakat (JKM) tidak berlaku secara menyeluruh di semua daerah, namun terdapat salah faham dalam kalangan masyarakat mengenai syarat kelayakan, khususnya berkaitan bantuan warga emas. Bantuan JKM bersifat bersyarat dan bertujuan memenuhi keperluan asas isi rumah berdasarkan tahap pendapatan. Proses permohonan adalah inklusif, di mana maklumat boleh disalurkan oleh pelbagai pihak seperti jiran, penghulu atau JPKK, sebelum disiasat dan ditentukan kelayakannya. JKM turut mengadakan taklimat serta turun padang untuk memastikan kefahaman jelas, selain bekerjasama dengan agensi lain seperti Pejabat Daerah (e-Kasih, miskin tegar, miskin) dan Baitulmal bagi mengurangkan keciciran penerima bantuan. Bantuan bencana yang disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah berbentuk

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		(Kampung Tanjung Lengkon / Kampung Tapah, Mukim Hulu Selama)	bantuan segera bagi meringankan beban mangsa, bukannya untuk tujuan membaik pulih rumah. Sebagai contoh, bagi kes kebakaran rumah yang musnah 100 peratus, jumlah maksimum bantuan yang boleh diberikan adalah RM3,000. Walau bagaimanapun, terdapat pengiraan khusus yang mengambil kira faktor seperti bilangan anak bersekolah. Justeru, JKM tidak memperuntukkan dana untuk pembaikan rumah, sebaliknya menyalurkan bantuan bersifat sokongan asas sahaja.
2.	Kediaman yang sudah uzur	Kebanyakan rumah di sini sudah uzur. Terdapat ibu tunggal yang memerlukan bantuan kewangan untuk membaiki rumahnya. Setiap kali hujan, air akan masuk ke dalam rumah. Permohonan bantuan telah dibuat, namun sehingga kini masih belum ada sebarang keputusan.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti India di Selama Inn Tarikh: 5 Ogos 2025 Bilangan peserta: 8 peserta Kaedah FGD: Perbincangan dalam 1 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Majlis Daerah Selama 2. Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)
1.	Kurang penyaluran maklumat sosial dan ekonomi kepada penduduk tempatan	Komuniti India melaporkan bahawa tahap pengetahuan mereka terhadap program serta usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan adalah terhad. Mereka turut menyatakan bahawa sokongan dan bantuan, termasuk geran MITRA serta pelbagai inisiatif sosial yang disediakan, kurang mendapat pendedahan sewajarnya dan tidak diketahui secara meluas oleh komuniti setempat.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
2.	Harga rumah baru yang mahal	Harga pembinaan rumah baru di sekitar Selama mahal dan penduduk yang mendapat gaji yang rendah tidak mampu memiliki rumah baru kerana harga rumah yang mahal. Rata-rata penduduk di sekitar Selama hanya bekerja dengan gaji minimum.	KPDN: Kerajaan tidak mempunyai kawalan terhadap harga rumah yang dibangunkan oleh sektor swasta kerana ia ditentukan oleh mekanisme pasaran berasaskan penawaran dan permintaan. Namun, bagi projek perumahan kerajaan, harga dapat dikawal. Di kawasan Selama, kos perumahan swasta dilihat agak tinggi dan hampir setara dengan kawasan Taiping. Walau bagaimanapun, pemaju sedar akan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			kemampuan penduduk tempatan, sehingga terdapat projek perumahan swasta yang masih sukar dijual walaupun hampir siap, dan risiko tersebut perlu ditanggung oleh pemaju sendiri. Harga rumah tidak berada di bawah kawalan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) kerana bidang kuasa kementerian tersebut hanya meliputi barang-barang asas dan barangan kawalan yang diperuntukkan di bawah Akta Kawalan Harga 1991. Sebaliknya, hal ehwal berkaitan perumahan terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). Aduan pembeli rumah akan ditangani melalui tribunal perumahan di bawah KPKT, kecuali bagi kes tertentu seperti pengubahsuaian atau projek perumahan yang tidak siap, yang boleh dirujuk kepada tribunal KPDN.
3.	Keperluan perkhidmatan perubatan dan kemudahan hospital	Ketiadaan doktor pakar tetap di Hospital Selama menimbulkan cabaran besar dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan berkualiti, khususnya bagi kes-kes kritikal melibatkan ibu hamil. Pada masa ini, hospital tersebut hanya mempunyai doktor	Pegawai Pejabat Kesihatan Daerah: Perkhidmatan kesihatan di Hospital Selama pada masa ini beroperasi dengan sokongan pakar secara <i>visiting specialist</i> tanpa perjawatan tetap. Antara bidang yang terlibat ialah Kecemasan, Obstetrik dan Ginekologi, Ortopedik serta Psikiatri. Kes-kes

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		perubatan am, manakala doktor pakar hanya hadir sekali seminggu mengikut jadual lawatan. Bagi kes kecemasan seperti uri tersangkut yang memerlukan pembedahan segera, pesakit terpaksa dipindahkan ke hospital rujukan seperti Hospital Taiping atau Hospital Kulim yang terletak sejauh satu hingga dua jam perjalanan. Jarak perjalanan yang jauh ini meningkatkan risiko komplikasi serius terhadap kesihatan ibu dan bayi, malah situasi ini telah berlarutan dalam tempoh yang agak lama tanpa penyelesaian yang tuntas. Perkhidmatan farmasi di Hospital Selama beroperasi dalam tempoh waktu yang terhad, iaitu hanya pada waktu pejabat. Keadaan ini menyebabkan pesakit yang berjumpa doktor pada waktu petang atau malam (di luar waktu operasi farmasi) terpaksa hadir semula pada keesokan harinya untuk mendapatkan ubat.	berisiko tinggi, khususnya ibu mengandung, biasanya dirujuk lebih awal ke Hospital Taiping bagi tujuan rawatan lanjut atau pembedahan. Namun, kekangan kewangan dan ketiadaan jawatan pakar menyebabkan perancangan penubuhan bilik pembedahan hanya dijangka dapat direalisasikan dalam tempoh 4-5 tahun akan datang. Setakat ini, tiada komplikasi serius dilaporkan hasil daripada proses rujukan pesakit tersebut. Selain itu, perkhidmatan farmasi di Hospital Selama turut terhad disebabkan kekurangan pegawai farmasi. Operasi farmasi hanya berjalan pada waktu pejabat, manakala pada hujung minggu hanya dibuka bagi kes kecemasan. Pesakit yang hadir pada waktu malam tetap mendapat rawatan segera daripada doktor bertugas, namun bagi ubat-ubatan ringan, pesakit diminta hadir semula pada keesokan harinya. Permohonan untuk penambahan jawatan farmasi telah dikemukakan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), namun proses pengisian jawatan masih belum dimuktamadkan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Implikasi ini menjejaskan keberkesanan rawatan dan menimbulkan kesulitan kepada pesakit, khususnya bagi mereka yang memerlukan ubat segera pada waktu malam.	

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 9: Dialog Bersama Penduduk Tempatan Kg Masjid, Kg Sg Jernih, Kg Sangkut, Kg Teras di Pejabat Penghulu Mukim Ulu Ijok Tarikh: 6 Ogos 2025 Bilangan peserta: 13 peserta Kaedah FGD: Perbincangan dalam 4 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Penghulu Mukim Hulu Ijok 2. Penolong Pegawai Daerah 3. Polis Diraja Malaysia (PDRM)
1.	Kekurangan kemudahan sokongan bagi penempatan perumahan	Sebuah kawasan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) yang merangkumi kira-kira 30 buah rumah, penduduk tidak mempunyai akses kepada bekalan air paip. Sebagai alternatif, mereka bergantung sepenuhnya kepada sumber air bukit. Namun demikian, semasa berlakunya hujan lebat, kualiti air tersebut terjejas dengan ketara kerana menjadi keruh, sekali gus menimbulkan isu keselamatan dan kebersihan air untuk kegunaan harian. (JPKK Kampung Sangkut, Mukim Hulu Ijok)	Daripada 30 buah rumah asal, hanya 27 rumah masih aktif beroperasi sementara selebihnya telah ditutup. Penduduk kawasan berkenaan tidak mempunyai akses kepada bekalan air paip kerajaan dan bergantung sepenuhnya kepada sumber air bukit. Hal ini berpunca daripada dua faktor utama, iaitu (i) jarak kedudukan penempatan dari jalan raya utama sejauh kira-kira 3 kilometer dengan elevasi berbukit yang memerlukan kos tinggi untuk pemasangan paip, dan (ii) laluan akses ke kawasan PPRT melalui tanah persendirian yang tidak mendapat kebenaran rasmi daripada pemilik tanah, sekali gus menimbulkan kekangan untuk pembinaan jalan serta bekalan air.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Penyelesaian jangka pendek yang sedang diusahakan ialah pengambilan rizab jalan baharu bagi memastikan akses utama dapat dibangunkan secara sah. Setelah isu akses jalan diselesaikan, barulah langkah ke arah penyediaan bekalan air kerajaan dapat direalisasikan.
		Keadaan turut melibatkan sebuah jalan yang melalui kawasan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) yang tidak dapat diperluas dan tidak dapat dipasang kemudahan pencahayaan jalan. Hal ini disebabkan jalan tersebut terletak di atas tanah persendirian, dan pemilik tanah berkenaan tidak memberikan kebenaran untuk sebarang kerja-kerja pembangunan atau pemasangan infrastruktur. (JPKK Kampung Sangkut, Mukim Hulu Ijok)	Isu yang dibincangkan berkaitan dengan hak milik tanah, khususnya kedudukan kawasan PPRT dan jalan sementara yang terletak antara tanah persendirian dan jalan utama. Berdasarkan undang-undang, pemilik tanah mempunyai hak untuk tidak membenarkan akses ke atas tanah miliknya, namun terdapat peruntukan yang membolehkan pengambilan tanah bagi kepentingan awam. Walau bagaimanapun, proses pengambilan tanah mengambil masa yang panjang serta melibatkan kos yang tinggi, bergantung kepada kelulusan peruntukan daripada kerajaan negeri. Kelewatan berlaku kerana kekangan bajet, namun proses tersebut sedang dijalankan dan masih dalam perjalanan untuk diselesaikan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Kekurangan kawasan dan unit perumahan untuk penduduk setempat	Kawasan kampung dan sekitarnya mengalami kekurangan unit perumahan yang mencukupi. Keadaan ini menyebabkan majoriti penduduk, khususnya golongan muda dan keluarga baharu, terpaksa menetap bersama ibu bapa dalam kediaman yang sama. Sebagai contoh, seorang peserta memaklumkan bahawa beliau tinggal bersama 38 ahli keluarga lain dalam sebuah rumah yang mempunyai 10 bilik. Peserta tersebut mempunyai 12 orang adik-beradik, dan pada masa kini, seramai sembilan daripada mereka termasuk yang telah berkahwin masih menetap di rumah tersebut bersama kedua-dua ibu bapa. Walaupun kerajaan ada menyediakan skim pemberian rumah serta peluang untuk memohon, syarat kelayakan yang memerlukan pemohon memiliki tanah atau hak milik tanah menjadi halangan utama. Hal ini kerana sebahagian besar penduduk tidak mempunyai tanah atau hak milik yang sah. (JPKK Kampung Sangkut, Mukim Hulu Ijok)	Isu yang dibangkitkan bukan sahaja dalam sesi libat urus, malah telah diketengahkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri pada persidangan terdahulu. Beberapa siri lawatan bersama agensi berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dilaksanakan untuk meneliti permasalahan yang bersifat sosial dan emosi penghuni, khususnya keinginan mereka untuk kekal berhampiran ahli keluarga dan tidak berpindah keluar. Selain itu, faktor sosio-ekonomi turut menjadi cabaran utama, antaranya peningkatan kos sewaan sekiranya mereka dipindahkan. Situasi ini kadangkala menimbulkan persepsi bahawa pihak berkuasa tidak memberi perhatian sewajarnya, walaupun pelbagai bentuk bantuan, termasuk sokongan psikologi, kaunseling, serta sumbangan daripada JKM dan institusi zakat, telah disalurkan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Tingkah laku anti-sosial dan peminggiran sosial	Kes aktiviti lumba haram (rempit) dilaporkan berleluasa di kawasan berkenaan. Laporan polis telah dibuat pada 25 April 2025 berhubung kegiatan tersebut, namun sehingga kini tiada tindakan berkesan diambil oleh pihak berkuasa untuk membanterasnya. (JPKK Kampung Teras, Mukim Hulu Ijok)	Berkenaan dengan isu jenayah narkotik dan aktiviti sosial tidak sihat di kawasan Selama, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) memaklumkan bahawa tangkapan berkaitan dadah merupakan aktiviti rutin harian yang dilaksanakan oleh Bahagian Narkotik. Walau bagaimanapun, isu ini dilihat berterusan tanpa penyelesaian tuntas, seiring dengan faktor geografi kawasan yang luas termasuk ladang kelapa sawit dan kebun yang dijadikan lokasi pertemuan oleh pengedar serta penagih. Bebanan tugas semakin mencabar apabila keanggotaan Bahagian Narkotik di IPD Selama hanya seramai 13 orang, meskipun status balai telah dinaik taraf daripada gred C kepada gred B. Selain itu, masalah perlumbaan haram (rempit) juga dikenal pasti, khususnya di Kampung Teras yang dijadikan lokasi utama perhimpunan remaja. PDRM Selama telah melaksanakan rondaan melalui dua zon kawalan iaitu zon AB (Selama) dan zon CD (Batu Kurau), namun kekangan aset dan kekurangan keanggotaan menyebabkan rondaan tidak dapat dilaksanakan secara optimum. Walaupun operasi telah dijalankan secara berkala, kumpulan remaja

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			terlibat dilihat masih berupaya berkumpul semula selepas operasi dijalankan. Sehubungan itu, PDRM menekankan bahawa segala maklumat daripada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) amat penting untuk disalurkan segera kepada pihak berkuasa agar tindakan pantas dapat diambil. Hal ini menunjukkan keperluan kepada sumber manusia dan logistik yang lebih mencukupi bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan di Selama.
4.	Tiada akses kepada punca pendapatan, dan kekurangan peluang pekerjaan	Secara keseluruhannya, majoriti penduduk di kawasan ini bekerja secara sendiri atau terlibat dalam pekerjaan kampung, dengan ketiadaan sumber pendapatan yang tetap dan berterusan. Sebagai contoh, terdapat penduduk yang memiliki atau bekerja di kebun durian, di mana pendapatan hanya diperoleh apabila hasil tuaian tersedia, manakala pada musim tiada buah, pendapatan terhenti sama sekali. Dalam sesi perbincangan, peserta mencadangkan agar diwujudkan industri baharu di kawasan ini, di	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		samping mengesyorkan pelaksanaan semula skim atau program pembangunan berkonsepkan FELDA atau FELCRA bagi memperkukuh ekonomi komuniti setempat. Program seperti ini dijangka dapat membuka peluang pekerjaan baharu serta memberi akses kepada pemilikan perumahan bagi penduduk tempatan. (JPKK Kampung Sangkut, Mukim Hulu Ijok)	
5.	Pertembungan masyarakat dan kehidupan dan habitat alam	Kekerapan pertembungan antara penduduk dan haiwan liar seperti kera semakin tinggi. Keadaan ini mengancam kesejahteraan hidup dan keselamatan komuniti setempat. Peruntukan undang-undang dan dasar yang lebih baik diperlukan untuk menangani masalah yang di hadapi di peringkat akar umbi. (Kampung Teras, Mukim Hulu Ijok)	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
6.	Tiada kemudahan surau	Pada penghujung tahun 2023, Pejabat Menteri Besar telah meluluskan peruntukan hampir RM350,000 bagi pembinaan sebuah surau baharu.	Isu utama yang dibincangkan berkaitan dengan projek menaiktaraf sebuah surau lama berusia lebih 40 tahun yang uzur di Mukim Ijok. Projek ini berada di bawah seliaan JKR dengan peruntukan sebanyak RM350,000. Menurut wakil JKR, isu tanah yang sebelum ini menghalang pelaksanaan telah

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Sehubungan itu, sebuah tadika berdekatan telah ditutup pada awal tahun 2025 bagi memberikan laluan kepada pelaksanaan projek tersebut. Namun demikian, sehingga kini tiada sebarang kerja pembinaan dimulakan, sekali gus menimbulkan kekeliruan dalam kalangan penduduk yang amat memerlukan kemudahan surau tersebut dengan segera. (JPKK Kampung Teras, Mukim Hulu Ijok)	diselesaikan, dan kini bahagian arkitek sedang menyediakan pelan susun atur surau baharu berkapasiti 120 jemaah, dengan pembentangan dijadualkan pada penghujung September sebelum pelaksanaan dimulakan. Walau bagaimanapun, wujud sedikit kekeliruan berkaitan maklumat penutupan tadika yang dikaitkan dengan projek ini, sedangkan surau tersebut masih wujud dan projek fizikal belum dilaksanakan. Lazimnya, apabila surau lama dirobuhkan bagi tujuan pembinaan semula, tapak sementara akan dijadikan surau bagi kegunaan jemaah. Pada peringkat semasa, projek ini masih berada dalam fasa perancangan, dengan kekangan utama melibatkan keluasan tapak, permohonan penduduk, dan kesesuaian saiz bangunan dengan keadaan tanah yang diserahkan oleh MAIPK sebagai pemilik tapak.
7.	Penempatan penduduk di tanah hak milik kerajaan	Terdapat kawasan tertentu di mana penduduk kampung yang tidak memiliki tanah atau rumah telah membina penempatan di atas tanah milik kerajaan.	Secara asasnya, isu berkaitan pendudukan tanah bergantung kepada status pemilikan tanah sama ada milik kerajaan atau persendirian. Mana-mana pihak tidak dibenarkan membina kediaman tanpa kebenaran yang sah. Walau bagaimanapun,

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Contohnya termasuk tanah yang berada di bawah hak milik Jabatan Pertanian serta sebidang tanah yang diperuntukkan untuk kegunaan sekolah. Keadaan ini menyebabkan sebahagian besar penduduk menetap di rumah teroka yang dibina di atas tanah milik pihak lain. (JPKK Kampung Sangkut, Mukim Hulu Ijok)	terdapat mekanisme rasmi seperti Permohonan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) atau Lesen Pendudukan Sementara bagi kediaman yang boleh dipohon untuk membolehkan penduduk menghuni di atas tanah kerajaan. Selain itu, penduduk juga boleh memohon untuk memiliki tanah tersebut melalui pembayaran tertentu, dan sekiranya diluluskan, geran tanah akan dikeluarkan oleh kerajaan setelah melalui penelitian syarat-syarat teknikal oleh jabatan berkaitan. Dalam kes melibatkan tanah berstatus hak milik persendirian, kebenaran pemilik tanah adalah keutamaan sebelum sebarang pendudukan dibenarkan. Hal ini menunjukkan bahawa isu tanah perlu ditangani berdasarkan peraturan undang-undang dan kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan.
8.	Kekurangan sistem infrastruktur dan perkhidmatan awam yang asas	Kampung Teras tidak mempunyai sistem pembuangan sisa pepejal yang khusus, seperti penyediaan tong RORO yang lazimnya terdapat di kawasan lain.	Isu pembuangan sampah di Kampung Teras telah dibincangkan dengan mengambil kira peranan Majlis Daerah (MDS) dalam penyediaan tong sampah dan pengurusan kutipan harian. Walaupun MDS menyediakan kemudahan tong sampah yang

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Ketiadaan kemudahan ini menyebabkan penduduk membuang sampah secara tidak terkawal, sekali gus memberi kesan negatif terhadap kesihatan awam dan kelestarian alam sekitar. Masalah ini telah berlarutan sejak sekian lama tanpa penyelesaian yang berkesan. (JPKK Kampung Teras, Mukim Hulu Ijok)	mencukupi, kapasiti tong roro dianggap tidak diperlukan berikutan jumlah sisa yang masih terkawal. Namun, timbul dakwaan bahawa terdapat pembuangan sampah tidak teratur di kawasan tertentu, yang didapati berpunca daripada sikap segelintir penduduk yang tidak memanfaatkan kemudahan dengan sebaiknya. Hal ini menunjukkan bahawa selain daripada penyediaan prasarana oleh pihak berkuasa tempatan, faktor kesedaran dan sikap penduduk memainkan peranan penting dalam memastikan kebersihan dan kelestarian alam sekitar di kawasan kampung.
		Keadaan jalan dari Surau Kampung Teras menuju ke Kampung Teras Seberang berada dalam keadaan rosak teruk dan membahayakan keselamatan pengguna. Permohonan untuk kerja pembaikan telah dikemukakan sejak dua tahun lalu, namun sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil. Penduduk setempat terdedah kepada risiko kemalangan, di samping tidak menerima sebarang makluman	Keadaan jalan dari Surau Kampung Teras menuju ke Kampung Teras Seberang telah dimaklumkan berada dalam proses perolehan dan kerja-kerja pelaksanaan sedang berjalan serta dijangka selesai dalam masa terdekat. Manakala isu keruntuhan tebing sungai yang berhampiran dengan kawasan penempatan penduduk telah dilaporkan secara rasmi oleh Pejabat Penghulu kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada April 2025. Walaupun pihak JPS telah turun padang meninjau

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		rasmi berhubung status permohonan tersebut walaupun aduan telah dibuat kepada pihak berkuasa tempatan (PLB) dan wakil rakyat. (JPKK Kampung Teras, Mukim Hulu Ijok)	lokasi tersebut, sehingga kini masih tiada tindakan susulan yang dilaksanakan, dan perkembangan lanjut mengenai perkara ini tidak dapat dipastikan berikutan ketiadaan wakil JPS dalam perbincangan.

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 10

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 10: Dialog Bersama Penduduk Tempatan Kg Pantai Besar, Kg Redang Panjang, Kg Sg Segar, FELDA Ijok Tarikh: 6 Ogos 2025 Bilangan peserta: 16 peserta Kaedah FGD: Perbincangan dalam 3 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Penolong Pegawai Daerah 2. Penghulu Mukim Hulu Ijok
1.	Kekurangan sistem kemudahan asas	Di kawasan ini, bekalan air paip yang sistematik, terawat, serta beroperasi dengan baik dan cekap masih tidak wujud. Bekalan air sedia ada sering mengalami masalah tekanan yang rendah dan kadangkala terputus sepenuhnya, selain hanya sampai ke kawasan luar perkampungan. Sambungan bekalan air ke dalam rumah memerlukan kos yang perlu ditanggung sendiri oleh penduduk. Pada masa ini, penduduk kampung bergantung kepada sumber air bukit, namun kualitinya akan merosot dan menjadi keruh setiap kali berlaku hujan. (JPKK Kampung Pantai Besar)	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
2.	Penyalahgunaan dadah	Pasukan kajian memperolehi maklumat daripada penduduk setempat bahawa aktiviti penggunaan dadah semakin meningkat.	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		lanya memberikan kesan sosial dan ekonomi yang negatif kepada komuniti tempatan. (FELDA Ijok, Mukim Hulu Ijok)	
3.	Tiada akses kepada punca pendapatan yang baik dan peluang pekerjaan	Majoriti penduduk, termasuk golongan belia, tergolong dalam kategori berpendapatan rendah atau miskin, dengan sektor pekerjaan utama terdiri daripada kerja kampung dan pekerjaan sendiri. Bagi memperoleh pendapatan yang lebih stabil dan tinggi, mereka terpaksa berhijrah atau berulang-alik ke kawasan lain seperti Kamunting serta ke pekan dan bandar yang lebih besar.	Kecenderungan generasi muda di kawasan FELDA untuk meninggalkan penempatan asal mereka kerana kekurangan peluang pekerjaan yang sesuai dengan aspirasi semasa. Hanya sebahagian kecil yang mewarisi kerjaya pertanian keluarga, manakala majoritinya berhijrah ke luar kawasan. Cadangan pembukaan rancangan penempatan atau FELDA baharu yang berorientasikan pertanian dilihat kurang relevan dengan kehendak penduduk, khususnya golongan muda yang lebih cenderung kepada pekerjaan bukan berasaskan hasil bumi. Oleh itu, terdapat kebimbangan bahawa pelaksanaan cadangan sedemikian tidak mencerminkan keperluan sebenar komuniti setempat dan berisiko membawa kepada ketidakselarasan antara dasar pembangunan dengan aspirasi masyarakat tempatan.
		Kenaikan kos sara hidup telah memberi implikasi negatif terhadap kesejahteraan penduduk	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		kampung, khususnya dalam aspek pengurusan kewangan isi rumah. Peningkatan perbelanjaan bagi keperluan asas dan tanggungjawab berkeluarga telah menjadi beban yang signifikan, meliputi kos pendidikan anak-anak, penyediaan makanan harian, serta perbelanjaan pengangkutan. (JPKK Kampung Pantai Besar, Mukim Hulu Ijok)	
4.	Fenomena banjir yang berulang	Fenomena banjir di kawasan ini dilaporkan oleh penduduk sebagai kejadian tahunan yang konsisten, dengan paras air yang boleh mencapai sehingga paras pinggang. Kejadian banjir yang paling teruk direkodkan pada tahun 2019, di mana paras air meningkat sehingga mencecah bumbung rumah-rumah kampung. Walaupun pihak agensi kerajaan pernah melaksanakan kerja-kerja pendalaman sungai, usaha tersebut didapati masih tidak mencukupi kerana sungai kembali menjadi cetek, sekali gus menyebabkan banjir terus berlaku. Intervensi terakhir bagi kerja pendalaman sungai direkodkan	Dimensi alam sekitar di kawasan Pantai Besar menumpukan kepada isu banjir. Rekod terakhir kejadian banjir berlaku pada Disember 2023, manakala sepanjang tahun 2024 tiada insiden dilaporkan. Faktor utama yang mengurangkan risiko banjir adalah intervensi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melalui kerja-kerja pendalaman sungai. Walau bagaimanapun, kekangan utama ialah ketiadaan rizab sungai khusus di Sungai Ara yang merupakan sungai utama kawasan tersebut. Hal ini menghadkan usaha kerja-kerja korek pasir secara besar-besaran dan hanya membolehkan aktiviti pembersihan sungai dijalankan. Dari sudut peranan agensi lain, Jabatan Kerja Raya (JKR) hanya terlibat secara langsung sekiranya banjir memberi kesan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		pada tahun 2023. (JPKK Kampung Pantai Besar, Mukim Hulu Ijok)	kepada infrastruktur jalan raya atau jambatan utama.
5.	Kekurangan sistem perkhidmatan asas yang terancang	Kawasan kampung tidak mempunyai kemudahan pembuangan sisa pepejal atau tong sampah yang khusus. Sehubungan itu, penduduk terpaksa membuang sampah di Pekan Ijok atau di lokasi tertentu di Kampung Relang. Bagi sebahagian penduduk lain, kaedah pelupusan sisa dilakukan dengan membakar sampah yang dikumpulkan atau membuangnya terus ke dalam sungai. (JPKK Kampung Pantai Besar, Mukim Hulu Ijok)	<i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: *Pertembungan Masyarakat dengan Habitat Alam Sekitar*

Dalam konteks Parlimen Larut (P056), konflik haiwan liar di kawasan Larut semakin ketara, khususnya melibatkan kera yang sering menceroboh kawasan pertanian. Kehadiran kera ini menyebabkan kerosakan tanaman seperti kelapa sawit, buah-buahan, dan sayur-sayuran, sekali gus menjejaskan pendapatan pekebun kecil. Masalah ini berlaku kerana pengurangan habitat semula jadi akibat pembukaan tanah untuk pertanian dan pembangunan. Kera yang kehilangan sumber makanan di hutan terpaksa mencari alternatif di ladang dan kebun penduduk. Situasi ini memerlukan penyelesaian lestari melalui kerjasama agensi kerajaan, komuniti setempat dan penggunaan kaedah mitigasi mesra alam bagi mengurangkan kerugian petani khususnya di ketiga-tiga mukim, Mukim Selama, Mukim Hulu Selama, dan Mukim Hulu Ijok.

- **Petani mengeluarkan modal (kos) yang tinggi untuk pagar elektrik**

Masalah berkaitan konflik kera di Larut bukan sekadar kerosakan tanaman, tetapi juga menambah beban kewangan kepada petani. Sebagai contoh, ada petani yang mengeluarkan perbelanjaan besar untuk memasang pagar elektrik atau jerat, namun usaha ini kurang berkesan kerana kera mempunyai kebolehan melompat jauh dan pintar mencari jalan masuk. Selain itu, penggunaan kaedah seperti mercun atau bunyi bising hanya memberi kesan sementara kerana kera cepat menyesuaikan diri. Keadaan ini menimbulkan rasa kecewa dalam kalangan petani, meningkatkan kos operasi pertanian, serta menjejaskan motivasi mereka untuk terus mengusahakan tanah.

Jadual 10. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Gangguan kera yang semakin serius telah menjejaskan hasil tanaman, sekali gus mengurangkan pendapatan para petani dan pekebun di kawasan Kampung Teras, Mukim Hulu Ijok. 2. Situasi menjadi lebih buruk apabila populasi kera menunjukkan kadar pembiakan yang pesat, menyebabkan konflik manusia-haiwan semakin meningkat. 3. Menurut peruntukan undang-undang sedia ada, penduduk adalah dilarang untuk mengambil
--	--

	tindakan sendiri termasuk menembak haiwan liar. 4. Oleh itu, keperluan untuk merangka dasar baharu yang lebih efektif adalah mendesak bagi menangani isu pembiakan haiwan liar, khususnya spesies kera.
Cadangan	1. Program kawalan populasi kera melalui kaedah pemindahan atau pensterilan secara berperingkat dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). 2. Pemasangan pagar mesra alam dan berteknologi moden seperti pagar elektrik solar dengan reka bentuk yang lebih tinggi dan sesuai dengan tabiat kera. 3. Penggunaan tanaman penampan (buffer crops) seperti halia atau serai di pinggir kebun yang kurang digemari kera. 4. Kempen kesedaran komuniti bagi mengurangkan amalan memberi makanan kepada kera yang boleh meningkatkan pergantungan haiwan tersebut terhadap manusia. 5. Dasar insentif atau pampasan kepada petani yang mengalami kerugian akibat gangguan haiwan liar.
Kumpulan Terjejas	Para petani dan pekebun tempatan
Kawasan	Kawasan Kampung Teras, Mukim Hulu Ijok.
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 1: Tiada Kemiskinan	<i>Sasaran 1.5:</i> Mengurangkan kerentanan golongan miskin terhadap kejutan ekonomi, sosial, dan alam sekitar.
SDG 2: Sifar Kelaparan	<i>Sasaran 2.3:</i> Meningkatkan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan kecil.

SDG 15: Kehidupan di Darat	<i>Sasaran 15.5:</i> Mengambil tindakan segera untuk mengurangkan degradasi habitat dan menguruskan spesies liar.
SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh	<i>Sasaran 15.9:</i> Mengintegrasikan nilai biodiversiti dalam perancangan pembangunan. <i>Sasaran 16.6:</i> Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab, dan telus.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Peluang Pekerjaan yang terhad di kawasan luar bandar

Di kawasan luar bandar di Larut, peluang pekerjaan adalah terhad kerana ekonomi setempat masih bergantung kepada sektor tradisional seperti pertanian, perikanan dan perniagaan kecil. Kebanyakan anak muda berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan dengan pendapatan lebih stabil, meninggalkan kekosongan tenaga kerja mahir di kampung. Kekurangan pelaburan industri moden dan infrastruktur yang kurang lengkap turut menyukarkan penciptaan peluang pekerjaan baharu. Walaupun terdapat potensi dalam sektor agro-pelancongan, perusahaan kecil dan ekonomi hijau, ia masih belum dimanfaatkan sepenuhnya. Keadaan ini menyumbang kepada kadar pengangguran terselindung dan jurang pembangunan wilayah.

- **Belia berhijrah**

Ramai belia di kawasan luar bandar Larut mengambil keputusan untuk berhijrah atau berulang-alik ke Kulim dan Pulau Pinang kerana peluang pekerjaan di kawasan mereka agak terhad. Majoriti pekerjaan di Larut masih tertumpu kepada sektor tradisional seperti pertanian dan perniagaan kecil yang kurang menjanjikan pendapatan stabil. Sebaliknya, Kulim dan Pulau Pinang menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor perindustrian, teknologi, dan perkhidmatan yang menjanjikan gaji lebih baik serta peluang peningkatan kerjaya. Migrasi ini juga dipacu oleh akses kemudahan infrastruktur yang lebih maju, namun ia meninggalkan kesan terhadap pembangunan sosial luar bandar.

Jadual 11. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Majoriti penduduk termasuk golongan belia tergolong dalam kategori berpendapatan rendah atau miskin. 2. Sektor pekerjaan utama terdiri daripada kerja kampung dan pekerjaan sendiri.
--	--

	3. Untuk memperoleh pendapatan yang lebih stabil dan tinggi, penduduk terpaksa berhijrah atau berulang-alik ke kawasan lain. 4. Kawasan tumpuan migrasi kerja termasuk Kamunting, serta pekan dan bandar yang lebih besar.
Cadangan	1. Pemeriksaan ekonomi tempatan melalui pembangunan projek keusahawanan komuniti, seperti pertanian moden, kraftangan, dan produk makanan. 2. Latihan kemahiran dan TVET (Technical and Vocational Education and Training) untuk golongan belia bagi meningkatkan kebolehpasaran dalam sektor pekerjaan formal. 3. Sokongan koperasi atau usahawan mikro bagi memberi akses kepada modal, pasaran, dan bimbingan perniagaan. 4. Pembangunan infrastruktur digital untuk memperluas peluang ekonomi melalui perniagaan dalam talian (e-commerce, freelancing). 5. Kerjasama dengan pihak swasta bagi membuka peluang pekerjaan berdekatan kawasan penempatan. 6. Program pembangunan belia seperti kursus kepimpinan, inovasi sosial, dan pembangunan kemahiran insaniah untuk mengurangkan penghijrahan keluar.
Kumpulan Terjejas	Belia
Kawasan	Parlimen Larut (Mukim Selama / Mukim Hulu Selama / Mukim Hulu Ijok)
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.2: Menurunkan sekurang-kurangnya separuh kadar kemiskinan dalam semua dimensi menjelang 2030.

	Sasaran 1.4: Memastikan semua orang, terutama golongan miskin, mempunyai akses sama rata kepada sumber ekonomi.
SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, keusahawanan, pekerjaan kreatif dan inovatif. Sasaran 8.6: Mengurangkan kadar belia yang tidak bekerja, tidak bersekolah dan tidak mengikuti latihan (NEET).
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.4: Menambah bilangan belia dan dewasa yang mempunyai kemahiran teknikal dan vokasional untuk pekerjaan serta keusahawanan.
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.c: Meningkatkan akses kepada teknologi maklumat dan komunikasi, termasuk internet mampu milik.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.a: Menyokong hubungan ekonomi, sosial dan alam sekitar antara kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 12. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3	PROJEK 4
Tajuk Projek	Exam Excellence: SPM 2025 Strategy Workshop	Projek Jari Emas, Jahitan, Sulaman Dan Printing	Kursus Asas Ternakan Ruminan	Bengkel Keusahawanan Digital Dan Pembangunan Produk Makanan
SDG Berkaitan	SDG 4, 3, 17	SDG 1, 4, 8, 17	SDG 1, 4, 8, 12, 17	SDG 1, 4, 8, 17
Objektif	Peningkatan kesiapsiagaan pelajar B40 melalui pendedahan kepada teknik peperiksaan yang terbukti berkesan, kemahiran pengurusan masa yang lebih baik, serta strategi menjawab yang tersusun. Calon juga akan mendapat manfaat daripada tip peribadi yang dikongsi oleh	Projek Jahitan, Sulaman dan Printing yang diuruskan oleh Jari Jahit Komuniti Desa melibatkan lima pekerja mahir dengan aktiviti utama menjahit pakaian, langsir, pakaian sekolah serta perkhidmatan ubah suai, menghasilkan sulaman moden eksklusif, dan menyediakan perkhidmatan cetakan baju, apron, tshirt, jersi serta baju korporat. Sasaran projek ini adalah ahli komuniti, pihak sekolah dan organisasi.	Perancangan Kursus Asas Ternakan Kambing menekankan objektif memberi ilmu asas ternakan dan membimbing peserta menjadi penternak berdaya saing. Sasaran utama ialah belia, penternak baharu, penduduk luar bandar, pelajar dan kumpulan berpendapatan rendah. Persiapan awal melibatkan bajet, fasiliti,	Projek ini ialah bengkel latihan intensif yang merangkumi dua aspek utama: Keusahawanan Digital (penggunaan platform Shopee, TikTok Shop dan media sosial untuk jualan atas talian) serta Pembangunan Produk Makanan (inovasi resipi, pembungkusan moden dan pematuhan piawaian MESTI dan HALAL). Bengkel dijalankan secara interaktif melalui sesi

	guru pakar, yang membawa kepada peningkatan motivasi dan ketahanan diri. Calon seterusnya akan memperoleh alat praktikal, keyakinan menghadapi peperiksaan serta kerangka persediaan holistik yang secara langsung menyumbang kepada peningkatan prestasi dalam SPM 2025.	Matlamat projek ialah meningkatkan ekonomi golongan sasaran, membantu B40 mengurangkan kebergantungan pada bantuan kerajaan, memberi kemahiran kepada suri rumah, serta membina keyakinan belia tercicir bagi mengurangkan jurang sosial. Dalam jangka panjang, projek ini bercita-cita melahirkan jenama sendiri di peringkat lebih tinggi serta memperkukuh imej komuniti sebagai berdikari dan berinovasi.	modul teori dan praktikal serta jurulatih berpengalaman. Modul merangkumi pemakanan, kesihatan, pembinaan kandang dan pengurusan ternakan. Kursus dijalankan selama tiga bulan melalui kuliah, praktikal dan lawatan ladang. Pengurusan peserta termasuk pendaftaran, jadual, makan minum dan bahan kursus, manakala pemantauan dibuat melalui kuiz, tugas dan maklum balas. Laporan akhir disediakan sebagai rujukan. Pencapaian utama kursus ialah peningkatan	praktikal, simulasi jualan dan bimbingan mentor industri.
--	---	--	---	--

			ilmu dan kemahiran, kelahiran penternak baharu, pembentukan jaringan komuniti serta peluang ekonomi. Secara keseluruhan, kursus ini menjadi asas melahirkan agropreneur moden dan mampan.	
Hasil Jangkaan	Projek ini dijangka memberi impak yang berkekalan dengan membekalkan calon SPM 2025 dengan kemahiran belajar yang praktikal, teknik menjawab peperiksaan serta keyakinan diri. Ilmu dan strategi yang diperoleh akan terus memberi manfaat kepada pelajar sepanjang	Produk – Jahitan pakaian, langsir, uniform; sulaman tuala, apron, tanda nama, cenderahati; serta printing t-shirt, jersi dan baju korporat. Peningkatan Sosioekonomi – Peserta memperoleh pendapatan tambahan. Pembangunan Kemahiran – Peserta menguasai jahitan, sulaman dan printing, serta mahir asas pemasaran dan pengurusan kewangan kecil.	Impak Kursus Asas Ternakan Ruminan dapat dilihat melalui peningkatan ilmu, kemahiran, serta pengurusan moden peserta yang membawa kepada produktiviti lebih tinggi dan peningkatan pendapatan. Kursus ini juga melahirkan usahawan tani berdaya saing serta berpotensi menjamin kelestarian projek	Projek ini bertujuan melahirkan usahawan makanan Bukit Bertam yang celik digital, meningkatkan kualiti serta nilai produk tempatan, memperluas pasaran melalui pemasaran digital, serta menjana pendapatan mampan dan peluang pekerjaan komuniti. Masalah dikenal pasti ditangani melalui latihan praktikal digital,

	perjalanan akademik mereka, sekali gus memupuk pembelajaran sendiri dan daya ketahanan. Dengan penglibatan guru pakar sebagai tenaga sumber, program ini juga membina rangkaian sokongan yang boleh dimanfaatkan oleh kohort-kohort akan datang.	Kesan Sosial Positif – Mengurangkan pengangguran, menyediakan peluang kerja fleksibel, serta mewujudkan komuniti produktif dan berdaya saing.	ternakan. Bagi mengekalkan keberkesanan, perlu ada perancangan rapi, pemantauan berterusan, bimbingan agensi, pembentukan komuniti/koperasi, serta sokongan kewangan. Gabungan faktor ini dapat memastikan kejayaan penternakan ruminan secara mampan.	pembangunan produk dari segi rasa, pembungkusan dan pensijilan, bimbingan strategi pemasaran mengikut trend semasa, serta sokongan susulan bagi memastikan peserta mampu mengaplikasikan ilmu yang diperoleh.
Organisasi	Persatuan Guru-Guru Tamil Perak Utara	JPKK Kampung Sungai Jernih	Akrab Maju Venture	Syamnanie Resources
Aktiviti	Program ini merangkumi pelancaran projek, orientasi, kajian asas dan pengurusan masa dengan penekanan kepada objektif yang jelas,	September Peserta belajar asas jahitan termasuk pengendalian mesin jahit (lurus, tepi, interlock), mengukur badan dan mencipta pola pakaian asas.	Minggu 1: Pengenalan Ternakan Kambing Sejarah industri kambing & biri-biri, peranan sebagai sumber protein, kelebihan ternakan ruminan kecil, serta peluang keusahawanan.	September <i>Minggu 1:</i> Taklimat pembukaan – peserta faham objektif, peranan, dan wujud kerjasama awal.

	data asas serta jadual belajar peribadi. Aspek pengurusan stres, motivasi dan perbincangan kumpulan rakan sebaya turut diberi perhatian untuk mengurangkan tekanan dan membina sistem sokongan. Komponen akademik meliputi: • Bahasa Melayu Kertas 1: penambahbaikan teknik esei dan strategi soalan tahun lepas. • Bahasa Melayu Kertas 2 + Ujian Percubaan: penguasaan	Mereka menghasilkan rekaan pakaian mengikut kreativiti sendiri, belajar strategi harga dan pemasaran. Hasil: Peserta mampu mengenal pasti fungsi mesin jahit, menghasilkan produk mengikut saiz, membina keyakinan diri melalui rekaan sendiri, serta mula yakin menerima tempahan kecil. Oktober Fokus kepada asas sulaman: pengendalian mesin sulaman, teknik jahitan sulaman, rekaan corak asas, dan menghasilkan produk sulaman pada tuala, apron atau sapu tangan. Hasil: Peserta mampu menghasilkan sulaman asas seperti nama atau tulisan, melakar corak mudah (bunga,	<i>Hasil:</i> Peserta faham kepentingan & potensi industri. Minggu 2: Biologi & Pemilihan Baka Jenis baka popular (Boer, Jamnapari, Saanen, Katjang, Dorper, Dorset dll.), ciri baka daging/susu/serat, teknik pemilihan induk & pejantan. <i>Hasil:</i> Peserta mampu pilih baka sesuai. Minggu 3: Reka Bentuk & Pengurusan Kandang Jenis kandang, keluasan, ventilasi, kebersihan, pengurusan najis & air buangan. <i>Hasil:</i> Peserta boleh merancang kandang praktikal & mesra alam.	• <i>Minggu 2:</i> Produk Cucur Badak sejuk beku – kualiti terjamin, pembungkusan menarik, jana pendapatan & kemahiran keusahawanan. • <i>Minggu 3:</i> Karipap Keledak sejuk beku – inovasi kuih tradisional, pasaran runcit, peluang komersial lebih besar. • <i>Minggu 4:</i> Roti Canai sejuk beku – produk berkualiti, pasaran tempatan/antarabangsa, potensi jenama makanan beku. Oktober
--	--	---	---	---

	kefahaman, rumusan, kesusasteraan serta maklum balas ujian.	daun, huruf), serta menguasai sekurang-kurangnya dua jenis jahitan sulaman.	Minggu 4: Pemakanan & Diet Keperluan nutrisi (protein, tenaga, vitamin, mineral), jenis makanan, pengurusan air & jadual makanan. <i>Hasil:</i> Peserta boleh sediakan diet seimbang & kawal kos.	<i>Minggu 1:</i> Kuih Tiram – kekalkan warisan, jana pendapatan, potensi eksport. <i>Minggu 2:</i> Kuih Siput – makanan ringan bernilai kemahiran keusahawanan, peluang dijadikan jenama. <i>Minggu 3:</i> Muruku – kuih tradisi pelbagai kaum, tanpa pengawet, potensi jenama global. <i>Minggu 4:</i> Kerepek Pisang – produk rangup & tahan lama, potensi makanan ringan terkenal.
	- Bahasa Inggeris Kertas 1: strategi penulisan esei berstruktur untuk markah tinggi. - Bahasa Inggeris Kertas 2 + Ujian Percubaan: peningkatan dalam kefahaman dan kesusasteraan. - Matematik Kertas 1: kepantasan dan	November Peserta didedahkan kepada asas printing: pengendalian mesin printing, jenis printing (heat press, sublimation, screen printing), dan kemahiran reka bentuk asas (tulisan, logo, corak). Projek melibatkan mencetak design pada pakaian seperti apron, t-shirt atau jersi. Hasil: Peserta mampu mengenal pasti jenis mesin printing, mencetak design sendiri menggunakan heat press, menghasilkan logo atau corak kreatif, serta meningkatkan kemahiran ICT melalui rekaan grafik digital.	Minggu 5: Penanaman Rumput Napier Kaedah penanaman, penjagaan, kawalan perosak, penuaian, integrasi dengan ternakan & analisis kos. <i>Hasil:</i> Peserta mahir tanam Napier & menilai aspek ekonomi.	
			Minggu 6: Pengenalan Silaj Bahan, teknik	November

	ketepatan menjawab. • Matematik Kertas 2 + Ujian Percubaan: penyelesaian masalah berstruktur dengan maklum balas. • Sejarah Kertas 1: pengenalanpastian corak dan ingatan pantas. • Sejarah Kertas 2 + Ujian Percubaan: pembinaan esei sejarah yang kukuh.		penyediaan, proses fermentasi, penilaian kualiti, penggunaan dalam diet, dan kos. <i>Hasil:</i> Peserta boleh hasilkan & guna silaj dengan betul. Minggu 7: Pembiakan & Reproduksi Sistem pembiakan, kitaran estrus, penjagaan induk bunting, kelahiran & anak. <i>Hasil:</i> Peserta boleh mengurus pembiakan & tingkatan kelahiran hidup. Minggu 8: Kesihatan & Penyakit Jenis penyakit biasa, vaksinasi, rawatan cacing, biosekuriti & kuarantin. <i>Hasil:</i> Peserta mampu	• <i>Minggu 1:</i> Roti pelbagai jenis – kualiti tinggi, pasaran harian, potensi jenama tempatan. • <i>Minggu 2:</i> Kursus Asas Keusahawanan Digital – peserta kuasai platform digital, jana pendapatan online. • <i>Minggu 3:</i> Kursus Shopee & TikTok Shop Affiliate – faham affiliate marketing, hasilkan pendapatan pasif. • <i>Minggu 4:</i> Majlis Penutup & Penyampaian Sijil – penghargaan,
--	---	--	--	---

	• Bahasa Tamil Kertas 1: penulisan esei dan karya kreatif berkualiti tinggi. • Bahasa Tamil Kertas 2 + Penutup & Penilaian Pasca: persediaan akhir peperiksaan, penilaian kemajuan, panduan belajar serta majlis penutup.		cegah, kenal pasti & rawat asas penyakit. Minggu 9: Pengurusan Harian Rutin penternak, rekod kesihatan & kos, kebajikan haiwan & amalan lestari. <i>Hasil:</i> Peserta boleh urus ladang secara sistematik. Minggu 10: Ekonomi & Pemasaran Kos operasi, ROI, strategi pemasaran, pasaran tempatan & bantuan kerajaan. <i>Hasil:</i> Peserta mampu rancang perniagaan ternakan. Minggu 11: Asas Pembuatan EM4 Definisi, bahan & alatan,	motivasi, peluang susulan, penutup profesional.
--	--	--	--	--

			teknik pembuatan, kegunaan dalam penternakan, pertanian & alam sekitar, penilaian kualiti & kos. <i>Hasil:</i> Peserta boleh hasilkan EM4 & guna secara praktikal. Minggu 12: Modul Sembelihan Halal & Pemasaran Konsep halal, syarat & teknik sembelihan, kebajikan haiwan, piawaian undang-undang, asas perniagaan, teknik jualan, kos & etika perniagaan. <i>Hasil:</i> Peserta mampu sembelih halal, berniaga secara etika & berdaya tahan.	
Jumlah (RM)	RM30,000	RM30,000	RM30,000	RM30,000

Lokasi	Larut	Kampung Sungai Jernih, Ijok	Ulu Mengkuang, Rantau Panjang	Bukit Bertam
Tempoh	3 bulan	3 bulan	3 bulan	2 bulan

6.0 RUJUKAN

Department of Statistics Malaysia, Kawasanku: P.056 Larut Dashboard, OpenDOSM, accessed 21 September 2025.

Department of Statistics Malaysia. *MyCensus 2020: Population and Housing Census of Malaysia 2020*. Putrajaya: DOSM, 2022.

Majlis Daerah Selama, “Penginapan – Projek Pelancongan Desa Selama,” Majlis Daerah Selama, <https://www.mdselama.gov.my/index.php/penginapan>.

Parlimen Malaysia, Profil Ahli Dewan: Hamzah bin Zainudin, accessed 21 September 2025.

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Semakan DPT Perak dan keputusan PRU15 for P.056 Larut, accessed 21 September 2025.



APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>